

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM SELANGOR  
GUAMAN SIVIL NO. 22NCVC-605-05/2012**

Antara

1. Yayasan Basmi Kemiskinan
2. Permodalan YBK Sdn Bhd
3. Dato' Haji Zainal Abidin bin Sakom

... Plaintiff-Plaintiff

Dan

1. Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim
2. Haji Yaakob bin Sapari

... Defendant-Defendant

**ALASAN PENGHAKIMAN MAHKAMAH**

**Pendahuluan**

[1] Plaintiff-plaintiff melalui writ saman dan pernyataan tuntutan bertarikh 12.2012 membawa tindakan saman fitnah ini terhadap defendant-defendant bagi mendapatkan perintah-perintah berikut:

(a) gantirugi am;

- (b) gantirugi teladan (exemplary damages);
- (c) gantirugi teruk (aggravated damage);
- (d) satu perintah injuknsi mengalang defenda samada dengan sendiri, melalui agen dan/atau pengkhidmat-pengkhidmat beliau dalam apa cara sekalipun daripada terus menerbitkan dan/atau mengakibatkan penerbitan perkataan-perkataan fitnah tersebut dan tohmahan lisan tersebut atau apa-apa tohmahan dan perkataan yang sama atau berkaitan yang memfitnah plaintiff-plaintif;
- (e) faedah pada kadar lapan peratus (8%) setahun ke atas jumlah penghakiman daripada tarikh penerbitan perkataan-perkataan fitnah tersebut dan tohmahan lisan tersebut sehingga tarikh penjelasan penuh atau pun apa-apa kadar dan jangka waktu yang difikirkan munasabah oleh mahkamah ini;
- (f) kos; dan

(g) lain-lain relif dan/atau relif tambahan yang mahkamah fikirkan wajar dan adil untuk diberikan.

### **Perbicaraan kes**

[2] Perbicaraan penuh kes ini telah dijalankan. Plaintiff-plaintif memanggil dua saksi, iaitu Dato' Haji Zainal Abidin bin Sakom (SP1) yang juga merupakan plaintiff ketiga. Saksi kedua plaintiff ialah Norashikin binti Samsi (SP2) iaitu bekas wartawan akhbar Suara Keadilan. Pernyataan saksi SP1 semasa pemeriksaan utama ditandakan sebagai "SP1-WS". Saksi SP2 adalah saksi sepina.

[3] Defendan-defendan memanggil empat orang saksi, iaitu Lailatun binti Abdul Hamid (SD1) yang merupakan Ketua Bahagian Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor; Ahmad Sazali bin Sulamat (SD2) iaitu Penolong Pegawai Tadbir di Pejabat Tanah dan Galian (PTG) negeri Selangor; Haji Yaakob bin Sapari (SD3) iaitu defendan kedua yang merupakan Ahli Dewan Undang Negeri Selangor bagi Kota Anggerik. Defendan kedua juga merupakan bekas Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (Exco) merangkap bekas Pengerusi Jawatankuasa Tetap Permodenan Pertanian,

Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan, Kerajaan Negeri Selangor. Saksi keempat defendant-defendant pula ialah Tan Sri Dato' Seri Abd. Khalid bin Ibrahim (SD4) merupakan Menteri Besar Selangor. SD4 adalah merupakan defendant kedua. Pernyataan saksi semasa pemeriksaan utama bagi saksi SD1, SD3 dan SD4 masing-masingnya ditandakan sebagai "DW-SD1", "DW-SD3" dan "DW-SD4". SD2 adalah saksi sepina.

### **Plaintif-plaintif dan syarikat berkaitan**

[4] Plaintiff pertama ("YBK") adalah merupakan sebuah perbadanan amanah yang didaftarkan menurut Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 yang mempunyai alamat pendaftaran di No.32 & 34, Jalan SS7/24, Kelana Jaya, Petaling Jaya, Selangor.

[5] Plaintiff kedua ("PYBK") adalah merupakan sebuah syarikat sendirian berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat (Pendaftaran No. 274548-D) dan alamat berdaftar di 17-4-1, Jalan 3/50, Diamond Square Commercial Centre, Off Jalan Gombak, Kuala Lumpur. Setakat tarikh 18.8.2010, pemegang-pemegang saham dalam defendant kedua ialah, (i) Prihatin Ehsan Holdings Sdn Bhd sebanyak 12,500 saham, (ii) Yayasan Basmi

Kemiskinan (plaintif pertama) sebanyak 6,250 saham, dan (iii) Fajar Synergy Sdn Bhd sebanyak 6,250 saham (“D2” muka surat 58-63 Ikatan D1).

[6] Plaintiff ketiga adalah seorang individu yang juga merupakan pemegang amanah dalam defendant pertama serta juga merupakan salah seorang ahli lembaga pengarah dalam syarikat defendant kedua. Defendant kedua mempunyai tiga orang ahli lembaga pengarah (“D2”).

[7] Setakat tarikh 18.8.2010, pemegang saham dalam Prihatin Ehsan Holdings Sdn Bhd ialah, (i) Yayasan Basmi Kemiskinan sebanyak 299,998 saham, (ii) plaintiff ketiga sebanyak satu (1) saham, dan (iii) Zulhairy bin Jamaluddin sebanyak satu (1) saham (“P9” muka surat 73 Ikatan D1). Plaintiff ketiga juga merupakan ahli lembaga pengarah dalam Prihatin Ehsan Holdings Sdn Bhd yang mempunyai dua ahli lembaga pengarah (“D3” muka surat 72 Ikatan D1).

### **Latar belakang kes**

[8] Pada 26.3.1990, Yayasan Basmi Kemiskinan (Selangor Darul Ehsan) (“YBK”) iaitu plaintiff pertama telah

diperbadankan sebagai satu badan amanah di bawah Akta Pemegang Amanah (Perbadanan) 1952 (The Trustees (Incorporation) Act 1952). Pengasas (the founder) YBK ialah Tan Sri Dato' Haji Muhamad bin Muhd. Taib, Menteri Besar Selangor, dan dua orang pemegang amanah YBK bagi tujuan pendaftaran pemerbadanan ialah Dato' Haji Zainal Abidin Hj. Sakom (plaintif ketiga) dan Mohd Radzi bin Abd Latif. Melalui dokumen "Instrument of Trust" (Surat Ikatan Amanah) Pengasas YBK telah melantik lima orang berikut sebagai pemegang-pemegang amanah YBK; iaitu (i) Dato' Hj. Zainal Abidin bin Hj. Sakom, (ii) Prof. Dato' Dr. Sulaiman din Md. Yassin, (iii) Dato' Dr. Mat Yasir bin Hj. Ikhsan, (iv) Haji Selamat bin Amir, dan (v) Datin Hartini binti Osman. Dato' Zainal Abidin bin Hj Sakom (plaintif ketiga) dilantik sebagai pengurus YBK (eksibit "D50" - muka surat 11-20 Ikatan D3).

[9] Objektif utama YBK adalah untuk menghapus kemiskinan (eradication of poverty) di negeri Selangor Darul Ehsan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan untuk manfaat kepada rakyat Malaysia di negeri-negeri lain dalam Malaysia seperti mana yang diputuskan oleh pemegang-pemegang amanah dari masa ke semasa. Matlamat serta tanggungjawab dan aktiviti YBK adalah

bagi menjalankan program sosial, ekonomi dan pendidikan yang bertujuan untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan di negeri Selangor; membina semula rumah untuk keluarga termiskin yang mendiami rumah usang atau tidak selamat didiami; membina rumah secara berkelompok untuk keluarga miskin yang tidak memiliki rumah dan tanah atau yang mendirikan rumah di tanah rizab kerajaan; di tepi sungai atau tanah milik orang, menjalinkan kerjasama dengan jabatan/agensi kerajaan, sektor swasta dan korporat serta institusi pengajian tinggi, sukarelawan dan pertubuhan bukan kerajaan untuk menjalankan program latihan dan pendidikan dengan menyediakan kemudahan-kemudahan pembelajaran untuk memudahkan pelajar miskin belajar dan membasmi keciciran pelajaran di kalangan anak-anak keluarga miskin (muka surat 1-3 dan 6 Ikatan Dokumen Bersama – B, eksibit “D9” muka surat 3 dan 33 Ikatan Dokumen D1 dan eksibit “D50” muka surat 11-20 Ikatan D3).

[10] Pada 24.8.1993, Permodalan YBK Sdn Bhd (“PYBK”) iaitu plaintif kedua diperbadankan sebagai sebuah syarikat sendirian di bawah Akta Syarikat 1965 (muka surat 4 Ikatan B). Tujuan penubuhan PYBK adalah bagi menjadi kenderaan khas (special vehicle) sebagai badan komersil yang akan membawa pulangan keuntungan

kewangan atau dana kepada YBK dalam membantu menjayakan matlamat dan objektif YBK disebabkan kekangan yang terdapat ke atas YBK sebagai badan amanah yang tidak boleh terlibat dalam aktiviti berbentuk komersil, pembangunan harta tanah, pelaburan dan sebagainya.

[11] Pada 8.3.1995, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (“MMK”) meluluskan pemberian milikan Tanah Negeri (state land) dan lesen pendudukan sementara tanah seluas 2,165 ekar di Mukim Serendah Daerah Hulu Selangor kepada PYBK bagi pelbagai tujuan (eksibit “P11” muka surat 1-17 Ikatan D2).

[12] Pada 1.4.1995, Pejabat Tanah Daerah Hulu Selangor memaklumkan kepada PYBK ke atas kelulusan Kerajaan Negeri Selangor yang bersetuju meluluskan permohonan PYBK bagi pemberian milik tanah kerajaan seluas lebih kurang 876 hektar (2,165 ekar) kepada PYBK bagi pelbagai tujuan syarikat tersebut (eksibit “D10” - muka surat 236 Ikatan D1).

[13] Pada 25.10.1995 MMK meluluskan rayuan PYBK bagi pengecualian syarat dan pembetulan keluasan tanah

di Mukim Serendah Daerah Hulu Langat kepada PYBK (eksibit "P12" – muka surat 18 Ikatan D2).

[14] Pada 9.11.1995, Pejabat Tanah Daerah Hulu Selangor memaklumkan kepada PYBK ke atas keputusan MMK bagi pemberian milik tanah kepada PYBK bagi tanah kerajaan seluas 792.686 hektar (1,958.768) setelah diukur berdasarkan Pelan Pra-Hitung seluas 876 hektar (2,165 ekar), Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor. Pengeluaran hakmilik dibuat secara blok dan syarat nyata bagi kegunaan tanah ialah untuk bangunan kediaman, infrastruktur, rumah apartment, rumah pangsa dan pusat kebajikan. Sekatan kepentingan dalam hakmilik ialah "Tanah yang diberimilik tidak boleh dipindah milik, dipajak atau digadai melainkan mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri." Surat oleh Pejabat Tanah Hulu Selangor bertarikh 9.11.1995 tersebut turut menyatakan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor bersetuju meluluskan rayuan PYBK seperti berikut (eksibit "D11" – muka surat 237 Ikatan D1):

(a) Pembangunan Fasa I (berwarna kuning)

Luas : 500 ekar

Pemaju : Ombak Kayangan Sdn Bhd

Pengurus Projek : Shah Alam Properties Bhd.

(b) Pembangunan Fasa II (berwarna biru)

Luas : 1458.8 ekar

Pemaju : Tenaga Ehsan Sdn Bhd

Pengurus projek : Shah Alam Properties Bhd.

[15] Pengauditan oleh pihak Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor ke atas YBK/PYBK pada tahun 2010 (diatas arahan MMK), mendapati berdasarkan rekod dan hakmilik tanah, terdapat 16 lot tanah tersebut telah dikaveat atau dicagar. Dari jumlah tersebut, sebanyak 12 kaveat dimasukkan oleh syarikat Bellgrand Sdn Bhd pada 12.2.2010, masing-masingnya ke atas hak milik berikut: HSD 44433, HSD 44435, HSD 44636, HSD 44634, HSD 44637, HSD 44638, HSD 44639, HSD 44640, HSD 44552, HSD 44827, HSD 44450, HSD 44826. Syarikat Pembangunan Meliapuri Sdn Bhd memasukkan kaveat bertarikh 4.6.2002 ke atas satu hakmilik iaitu HSD 15237. Syarikat Kendali Bagus Sdn Bhd memasukkan kaveat bertarikh 8.12.2005 ke atas satu hakmilik iaitu HSD44551. Dua cagaran pula dimiliki masing-masingnya, satu oleh Arab Malaysian Bank Bhd bertarikh 8.6.2006 ke atas hakmilik HSD14814, dan satu lagi oleh Malayan Banking bertarikh 8.12.2005 ke atas

hakmilik HSD14826 (eksibit “D9” - muka surat 9 Ikatan D10).

[16] Carian syarikat bertarikh 18.8.2010 mencatatkan cagaran-cagaran berikut telah dibuat oleh PYBK yang melibatkan tanah tersebut (eksibit “D9” – muka surat 62 Ikatan D1): (i) Cagaran 001 pada 7.6.1999, Ambank (M) Bhd, jumlah cagaran RM20 juta, status - Unsatisfied; (ii) Cagaran 002 pada 7.6.1999, Ambank (M) Bhd, jumlah cagaran RM20 juta, status - Unsatisfied; (iii) Cagaran 003 pada 18.8.1999, Ambank (M) Bhd, jumlah cagaran RM20 juta, status – Fully Satisfied; (iv) Cagaran 004 pada 1.2.2004, Malayan Banking Berhad, jumlah cagaran RM25 juta, status: Unsatisfied; dan (v) Cagaran 005 pada 16.1.2006, Malayan Banking Berhad, jumlah cagaran RM17 juta, status – Unsatisfied.

[17] Sejak tahun 1998 hingga 17.3.2010, PYBK mempunyai tunggakan cukai tanah bagi 18 hakmilik tanah berjumlah RM7,376,530.30 (eksibit “D9” – muka surat 13 Ikatan D1). Notis-notis tuntutan cukai tanah (Borang 6A) dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah Daerah Hulu Selangor bagi tunggakan tersebut (eksibit “D12”, “D13”, “D14”, “D15”, “D16”, “D17”).

[18] Pada 2.2.2010 Pentadbir Tanah Daerah Hulu Selangor mengeluarkan Notis Perkembalian Tanah Kepada Kerajaan (Borang 8A) (Lucuthak) bagi hakmilik HSD 44553, HSD 44549, HSD 15737 dan HSD 44548 (eksibit "D18").

[19] Setakat tarikh 30.12.2009, keberhutangan PYBK di bawah cagaran-cagaran tanah yang belum dilangsaikan ialah sejumlah RM82,000,000.00 (eksibit "D53A – muka surat 263-269 Ikatan D1). Plaintiff ketiga adalah salah seorang ahli lembaga pengarah PYBK bersama dua lagi ahli lembaga pengarah ("D53A – muka surat 268 Ikatan D1).

#### **Penerbitan pengataan-pengataan atau kenyataan-kenyataan yang menjadi perkara tindakan**

[20] Artikel atau penerbitan yang menjadi pengaduan plaintiff-plaintiff terhadap **defendant pertama** adalah:

- (i) terhadap kenyataan media defendant pertama dalam satu sidang media bertajuk "*Maklumat Terbaharu Mengenai YBK*" pada 24.2.2010;

- (ii) terhadap kenyataan defendan pertama dalam sidang media pada 24.2.2010 yang dilaporkan oleh akhbar Suara Keadilan edisi 2-9 Mac 2010 di dalam artikel tajuk “*Zainal Sakom Gadai Tanah YBK*”; dan
- (iii) terhadap kenyataan oleh defendan pertama yang diterbitkan oleh laman web <http://tvselangor.com> pada 5.4.2010 dalam artikel bertajuk “*Kemelut YBK: MB Marah Orang Melayu Tipu Melayu*”.

[21] Plaintiff-plaintiff mengatakan pada 24.2.2010 defendan pertama telah membuat satu kenyataan media di dalam sidang media bertajuk “*Maklumat Terbaharu Mengenai YBK*”, seperti berikut (pereggan 7 pernyataan tuntutan):

*“Mesyuarat hari ini diberitahu pada 8 Mac 1995, kerajaan negeri terdahulu telah meluluskan tanah seluas 2,165 ekar kepada Permodalan Yayasan Basmi Kemiskinan (PYBK) dan melantik dua pemaju untuk memajukan tanah berkenaan iaitu Shah Alam Properties Berhad dan Syarikat Tenaga Ehsan Sdn Bhd.*

*Data terkini yang diperolehi dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mendedahkan, PYBK bukan dimiliki sepenuhnya oleh YBK. YBK hanya memiliki 12,500 unit saham dalam PYBK.*

*Pemegang saham lain, Prihatin Ehsan Holdings Sdn Bhd memiliik 6,200 unit saham manakala Fajar Energy Sdn Bhd memiliki 6,250 unit saham.*

*Fajar Synergy Sdn Bhd yang dianggotai Mohd Hilmi Yusop sebagai pengarah manakala Khairul Anuar Selamat @ Keliwon sebagai pengarah syarikat dan setiausaha syarikat.*

*Prihatin Ehsan Holdings Sdn Bhd pula, Datuk Zainal Abidin dan Zulhairy Jalaludin sebagai pengarah syarikat sementara setiausaha syarikat, Rahimi Mohd Noor.*

*Data menunjukkan Pengarah PYBK adalah Kamarudin Ahmad, Datuk Zainal Abidin Sakom dan Mohd Tamin Mohd Yusof.*

*PYBK telah membuat gadaian tanah kepada bank yang bernilai lebih RM100 juta.*

*Mesyuarat Exco berpendapat, penemuan mengenai milikan saham dan pelantikan pengurus projek pembangunan tanah perlu diperjelaskan kepada kerajaan negeri untuk mengetahui jika YBK diurus dengan baik oleh PYBK.*

*Mesyuarat Exco juga dimaklumkan, pengerusi YBK, Datuk Zainal Abidin Sakom didapati memiliki majority saham dalam salah satu syarikat yang dilantik sebagai pemaju tanah iaitu syarikat Tenaga Ehsan.*

*Maklumat ini antara maklumat penting yang akan didedahkan secara berperingkat menerusi kertas putih yang dijanjikan kerajaan negeri.*

*Semua maklumat mengenai pengurusan YBK ini amat penting kerana melibatkan harta kerajaan negeri yang diserahkan YBK untuk program basmi kemiskinan.*

*Kerajaan negeri menegaskan pengurusan harta milik YBK perlu dibuat secara telus dan bertanggungjawab.”*

[22] Plaintiff-plaintiff seterusnya mengatakan pada edisi 2 - 9 Mac 2010, akhbar Suara Keadilan telah melaporkan perkara-perkara yang disebut oleh defendant pertama dalam sidang media pada 24.2.2010, di bawah tajuk “*Zainal Sakom Gadai Tanah YBK*”, di mana petikan artikel tersebut mengandungi perkataan-perkataan seperti berikut (perenggan 8 pernyataan tuntutan):

“....

*Ketika menjadi penggerusi YBK dan pengarah PYBK, Datuk Zainal Abidin turut menjadi Pengarah Syarikat Prihatin Ehsan Holdings Sdn Bhd, yang memajukan tanah-tanah kerajaan negeri yang diberikan kepada yayasan itu.*

*Dua pemaju dilantik oleh kerajaan UMNO-BN pada 8 Mac 1995 untuk memajukan 2165 ekar tanah berkenaan, iaitu syarikat Tenaga Ehsan Sdn Bhd dan Shah Alam Properties Berhad.*

*“Pengerusi YBK, Zainal Sakom didapati memiliki majority saham dalam sebuah syarikat yang dilantik sebagai pemaju tanah, iaitu syarikat Tenaga Ehsan. Maklumat ini antara maklumat penting yang akan didedahkan secara berperingkat menerusi kertas putih yang telah kita janjikan” katanya.*

*Khalid juga berkata, kerajaan negeri mahu mendapatkan penjelasan mengenai urus niaga tertentu yang dikendalikan bersabit tanah yang dusumbangkan oleh kerajaan negeri.*

*“Mesyuarat Exco berpendapat, penemuan mengenai milikan saham dan pelantikan pengurus projek pembangunan tanah perlu diperjelaskan kepada kerajaan negeri untuk mengetahui jika YBK diurus dengan baik oleh PYBK”, tegas Menteri Besar lagi.”*

[23] Plaintiff-plaintiff seterusnya mengatakan, pada 5.4.2010, laman web <http://tv.selangor.com> telah menerbitkan satu artikel yang bertajuk “Kemelut YBK: MB Marah Orang Melayu Tipu Melayu” yang melaporkan

kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh defendant pertama seperti berikut (perenggan 11 pernyataan tuntutan):

*"Tindakan tegas Kerajaan Selangor terhadap Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) dengan mengambil semula tanah itu menyelamatkan asset berkenaan dari tergadai di bank, kata Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.*

*Tanpa disedari umum, beliau berkata, nilai tanah yang dicagar kepada bank, nilainya menjangkau lebih RM100 juta.*

*Khalid berkata demikian pada majlis Penerangan Kerajaan Selangor di Sungai Tengi bagi menjelaskan kekeliruan yang ditimbulkan media arus perdana berikutan kemelut YBK dengan kerajaan negeri.*

*'Saya, orang tak jaga duit saya marah. Orang tak jaga harta, saya marah. Bukan harta dia, harta rakyat. YBK bagi tanah dapat RM15 seekar. Selepas tak jaga, bila saya periksa*

*tanah kerajaan negeri dulu bagi, diurusniagakan.*

*'Tak tahu dapat untung atau tidak. Rupanya sudah dicagar kepada bank melebihi RM100 juta' katanya pada Majlis Penerangan Kerajaan Selangor di Kampung Desa Maju, Sungai Tengi, Ulu Bernam.*

*Beliau dengan tegas dan lantang membidas sikap sesetengah orang Melayu yang hanya pandai menindas kaum mereka yang miskin dan merampas hak yang sepatutnya dinikmati mereka.*

*Sebaliknya, katanya, kerajaan negeri pula dituduh menjadi punca pembangunan pendidikan tidak dapat dilaksanakan atas tanah berkenaan sedangkan cadangan itu tidak pernah muncul ketika tanah itu terbiar dan hampir tergadai.*

*'Esok, tak adalah tanah-tanah itu. Bank bukan miskin yang punya. Itu sebab saya pertahankan. Sudah ramai kata saya marah*

*pada orang Melayu, tetapi saya marah orang Melayu tipu Melayu,’ katanya.”*

[24] Artikel atau penerbitan yang menjadi pengaduan plaintiff-plaintiff terhadap **defendant kedua** adalah terhadap pengataan-pengataan oleh defendant kedua yang dicetak dan diterbitkan dalam akhbar Suara Keadilan edisi 2-9 mac 2010, di bawah tajuk “*Zainal Sakom Gadai Tanah YBK*”, petikan seperti berikut (perenggan 10 pernyataan tuntutan):

*“Sementara itu, Pengurus Jawatankuasa Tetap Permodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan Yaakob Sapari menyifatkan tindakan tegar Zainal menggadai tanah milik kerajaan negeri kepada bank memenuhi keinginan peribadi beliau bersama teman segandingnya sebagai perbuatan khianat kerana melanggar syarat yang ditetapkan kerajaan negeri sebelum ini.”*

**Perkataan-perkataan yang diplidikan oleh plaintiff-plaintif di bawah artikel bertajuk “*Zainal Sakom Gadai Tanah YBK*” sebagai “perkataan-perkataan yang diadukan” (fitnah)**

[25] Di dalam perenggan 12 pernyataan tuntutan, plaintif-plaintif memplidkan bahawa perkataan-perkataan di bawah artikel bertajuk “*Zainal Sakom Gadai Tanah YBK*” yang diadukan adalah:

- “12.1 Zainal Sakom Gadai Tanah YBK”;
  - 12.2. “Ketika menjadi pengurus YBK dan pengarah PYBK, Datuk Zainal turut menjadi Pengarah Syarikat Prihatin Holdings Sdn Bhd, yang memajukan tanah-tanah kerajaan negeri yang diberikan kepada yayasan itu”;
  - 12.3 “Dua pemaju dilantik oleh kerajaan UMNO-BN pada 8 Mac 1995 untuk memajukan 2165 ekar tanah berkenaan, iaitu syarikat Tenaga Ehsan Sdn Bhd dan Shah Alam Properties Berhad.
- “Pengerusi YBK, Zainal Sakom didapati memiliki majority saham dalam sebuah syarikat yang dilantik sebagai pemaju tanah, iaitu syarikat Tenaga Ehsan.

Maklumat ini antara maklumat penting yang akan didedahkan secara berperingkat menerusi kertas putih yang telah kita janjikan” katanya.”

- 12.4 “Mesyuarat Exco berpendapat, penemuan mengenai milikan saham dan pelantikan pengurus projek pembangunan tanah perlu diperjelaskan kepada kerajaan negeri untuk mengetahui jika YBK diurus dengan baik oleh PYBK”, tegas Menteri Besar lagi.”
- 12.5 “Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Permodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan Yaakob Sapari menyifatkan tindakan tegar Zainal menggadai tanah milik kerajaan negeri kepada bank memenuhi keinginan peribadi beliau bersama teman segandingnya sebagai perbuatan khianat kerana melanggar syarat yang ditetapkan kerajaan negeri sebelum ini.”

**Perkataan-perkataan yang diplidkan oleh plaintif-plaintif di bawah artikel bertajuk “Kemelut YBK: MB Marah Orang Melayu Tipu Melayu” sebagai “perkataan-perkataan yang diadukan” (fitnah)**

[26] Di dalam perenggan 13 pernyataan tuntutan, plaintif-plaintif memplidkan bahawa perkataan-perkataan di bawah artikel bertajuk “Kemelut YBK: MB Marah Orang Melayu Tipu Melayu” yang diadukan adalah:

- “13.1      “*Tindakan tegas Kerajaan Selangor terhadap Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) dengan mengambil semula tanah itu menyelamatkan asset berkenaan dari tergadai di bank, kata Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.*.”;
- 13.2      “*Tanpa disedari umum, beliau berkata, nilai tanah yang dicagar kepada bank, nilainya menjangkau lebih RM100 juta.*.”;
- 13.3      “*Saya, orang tak jaga duit saya marah. Orang tak jaga harta, saya marah. Bukan harta dia, harta rakyat. YBK bagi tanah*

*dapat RM15 seekar. Selepas tak jaga, bila saya periksa tanah kerajaan negeri dulu bagi, diurusniagakan.”*

- 13.4     *“Tak tahu dapat untung atau tidak. Rupanya sudah dicagar kepada bank melebihi RM100 juta’ katanya pada Majlis Penerangan Kerajaan Selangor di Kampung Desa Maju, Sungai Tengi, Ulu Bernam.”*
  
- 13.5     *“Beliau dengan tegas dan lantang membidas sikap sesetengah orang Melayu yang hanya pandai menindas kaum mereka yang miskin dan merampas hak yang sepatutnya dinikmati mereka.”;*
  
- 13.6     *“Sebaliknya, katanya, kerajaan negeri pula dituduh menjadi punca pembangunan pendidikan tidak dapat dilaksanakan atas tanah berkenaan sedangkan cadangan itu tidak pernah muncul ketika tanah itu terbiar dan hampir tergadai.”*

13.7     “Esok, tak adalah tanah-tanah itu. Bank bukan miskin yang punya. Itu sebab saya pertahankan. Sudah ramai kata saya marah pada orang Melayu, tetapi saya marah orang Melayu tipu Melayu,’ katanya.

[27] Plaintiff-plaintiff mengatakan perkataan-perkataan yang diadukan di bawah artikel dan kenyataan media bertajuk “Maklumat Terbaharu Mengenai YBK”, yang merujuk kepada plaintiff-plaintiff apabila dibaca secara tersendiri dan/atau bersama keseluruhan artikel adalah tidak benar dan adalah satu fitnah dalam keadaan asalnya terhadap plaintiff-plaintiff yang mengakibatkan kerosakan dan/atau keburukan yang teruk kepada reputasi, imej, ketulusan dan nama baik plaintiff-plaintiff di kalangan masyarakat umum, dan telah merendahkan martabat plaintiff-plaintiff di mata ahli-ahli masyarakat yang berfikiran munasabah (perenggan 16 pernyataan tuntutan).

[28] Plaintiff-plaintiff seterusnya memplidkan bahawa perkataan-perkataan yang diadukan, dalam maksud semulajadi dan lazimnya (natural and ordinary meaning) adalah seperti berikut (perenggan 17 pernyataan tuntutan):

- “17.1 bahawa plaintiff-plaintif telah mengkhianati amanah yang dibebankan ke atas mereka dengan bertindak menurut kepentingan peribadi;
- 17.2 bahawa plaintiff-plaintif telah mengkhianati amanah yang telah dibebankan ke atas mereka dengan menggunakan asset yang diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk tujuan mencapai matlamat dan objektif penubuhan mereka untuk memperolehi kepentingan peribadi;
- 17.3 bahawa plaintiff-plaintif telah mengkhianati amanah yang telah dibebankan ke atas mereka dengan menggunakan kedudukan mereka dan posisi mereka untuk mengaut keuntungan peribadi;
- 17.4 bahawa plaintiff-plaintif telah mengkhianati amanah yang dibebankan ke atas mereka di dalam bentuk asset bernilai RM100 juta dengan menggadaikan asset berkenaan kepad bank;

- 17.5 bahawa plaintif-plaintif telah mengkhianati amanah yang telah dibebankan ke atas mereka melalui proses penggadaian kerana rakyat ataupun orang miskin tidak peroleh manfaat daripada gadaian itu;
- 17.6 bahawa plaintif-plaintif telah gagal menguruskan harta yang diamanahkan ke atas mereka secara telus dan bertanggungjawab;
- 17.7. bahawa plaintif-plaintif telah berlaku tidak jujur dan/atau bertindak secara korup di dalam membenarkan plaintif ketiga melalui pemegangan saham beliau di dalam syarikat Tenaga Ehsan membuat keuntungan-keuntungan sulit;
- 17.8. bahawa plaintif ketiga telah bertindak secara tidak jujur dan/atau korup kerana meletakkan dirinya di dalam kedudukan untuk membuat keuntungan-keuntungan sulit melalui pemegangan saham beliau di dalam syarikat Tenaga Ehsan Sdn Bhd;

- 17.9 bahawa plaintif ketiga telah bertindak secara tidak jujur dan/atau korup kerana meletakkan dirinya di dalam kedudukan konflik kepentingan dengan matlamat-matlamat plaintif pertama dan kedua melalui pemegangan saham beliau di dalam syarikat Tenaga Ehsan Sdn Bhd;
- 17.10 bahawa plaintif-plaintif telah melakukan pecah amanah dan keyakinan yang diletakkan ke atas mereka oleh masyarakat umum untuk membantu orang-orang miskin;
- 17.11 bahawa plaintif-plaintif yang rata-ratanya terdiri daripada orang Melayu telah menipu bangsanya sendiri;
- 17.12 bahawa plaintif-plaintif telah menindas orang Melayu yang miskin dan merampas hak mereka;
- 17.13 bahawa plaintif-plaintif telah melakukan tindakan-tindakan yang berunsur jenayah;

17.4 berdasarkan kepada perkara-perkara yang diplidkan di atas, plaintif-plaintif tidak layak untuk menjalankan kewajipan dan melaksanakan beban amanah yang ditempatkan di atas mereka.”

[29] Plaintiff-plaintif seterusnya memplidkan dan memberikan butir-butir kepalsuan perkataan-perkataan yang diadukan (perenggan 23 pernyatan tuntutan) di mana plaintiff-plaintif memplidkan:

“23.1 bahawa plaintif ketiga hanya memegang 1 unit saham daripada 300,000 unit saham di dalam syarikat Prihatin Ehsan Sdn Bhd.

Resolusi plaintif pertama memberi kuasa kepada plaintif ketiga untuk memegang 1 unit saham tersebut bagi tujuan penubuhan syarikat Prihatin Ehsan Sdn Bhd;

23.2 syarikat Prihatin Ehsan tidak memperolehi sebarang kontrak untuk memajukan harta-harta milik plaintif pertama dan plaintif kedua;

- 23.3 299,998 unit saham syarikat Prihatin Ehsan adalah dipegang oleh plaintif pertama;
- 23.4 syarikat Tenaga Ehsan Sdn Bhd yang dikatakan telah dilantik oleh Kerajaan Negeri terdahulu untuk memajukan harta-harta plaintiff pertama dan kedua sebenarnya tidak dan tidak pernah memperolehi sebarang kontrak untuk berbuat demikian;
- 23.5 syarikat Prihatin Ehsan Sdn Bhd dan syarikat Tenaga Ehsan Sdn Bhd adalah dua entity komersil yang tidak mempunyai perkaitan di antara satu sama lain;
- 23.6 bahawa harta-harta plaintiff pertama dan/atau kedua yang dicagarkan kepad bank bukan bernilai RM100 juta;
- 23.7 cagaran kepada bank adalah dibuat untuk menfaat dan keuntungan plaintiff pertama dan kedua bagi digunakan untuk objektif dan matlamat penubuhannya;

- 23.8 melalui cagaran tersebut, plaintif pertama dan kedua memperoleh keuntungan;
- 23.9. bayaran ansuran untuk pinjaman bagi mana-mana cagaran dibuat masih dibayar balik menurut jadual ansuran dan bukannya bersifat ingkar bayaran (default)."

[30] Plaintiff-plaintiff oleh itu mengatakan defendant pertama dan kedua mempunyai niat jahat (malice) dan tanpa kpercayaan yang jujur apabila membuat pengataan-pengataan yang diadukan tersebut dan menyebabkan atau membenarkan penerbitan perkataan-perkataan yang diadukan tersebut bagi bacaan dan paparan kepada anggota masyarakat dan orang awam secara keseluruhannya melalui penerbitan artikel atau akses kepada laman web terlibat yang menerbitkan perkataan-perkataan yang diadukan (perenggan 24, 25 dan 26 pernyataan tuntutan)..

[31] Plaintiff-plaintiff juga mengatakan butiran-butiran yang terdapat dalam Kertas Putih yang diterbitkan oleh defendant-defendant di Dewan Undangan Negeri Selangor

pada 15.4.2010 telah dibuat oleh defendan-defendant walau pun defendan-defendant tahu bahawa maklumat-maklumat yang terkandung di dalamnya adalah tidak lengkap dan menyeluruh (perenggan 28 pernyataan tuntutan).

### **Pembelaan defendan pertama dan tuntutan balas**

[32] Defendan pertama memplidkan bahawa perkataan-perkataan yang diadukan tidak bersifat fitnah atau tidak boleh membawa apa-apa maksud yang berunsur fitnah.

[33] Defendan pertama juga memplidkan bahawa beliau tidak bertanggungjawab atas penerbitan yang dibuat oleh pihak lain atau menyebabkan perkataan-perkataan yang diadukan itu diterbitkan.

[34] Defendan pertama juga memplidkan jika perkataan-perkataan yang diadukan mempunyai maksud fitnah, ianya adalah merupakan suatu ***komen yang berpatutan (fair comment)*** berdasarkan fakta-fakta/perkara yang benar dan/atau sebahagian besarnya adalah benar. Butir-butir fakta dan perkara yang mana komen didasarkan adalah seperti berikut (perenggan 8.3 pernyataan pembelaan dan tuntutan balas defendan pertama):

- (a) pada 8.3.1995, Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan tanah seluas 2,165 ekar kepada plaintif kedua (PYBK) dan melantik pemaju untuk memajukan tanah berkenaan iaitu Shah Alam Properties Berhad dan syarikat Tenaga Ehsan Sdn Bhd;
- (b) plaintif kedua tidak dimiliki sepenuhnya oleh plaintif pertama di mana plaintif pertama hanya memiliki 12,500 saham dalam plaintif kedua;
- (c) pemegang-pemegang saham lain dalam plaintif kedua, Prihatin Ehsan Holdings Sdn Bhd memiliki 6,250 unit saham;
- (d) Fajar Energy Sdn Bhd dianggotai oleh Mohd Khilmi Yusop sebagai pengarah dan Khairul Ridha Selamat @ Keliwon sebagai pengarah dan setiausaha syarikat;
- (e) Prihatin Ehsan Holdings dianggotai oleh plaintif ketiga dan Zulhairy Jalaluddin sebagai pengarah-pengarah manakala Rahimi Mohd Noor sebagai setiausaha syarikat;

- (f) pengarah-pengarah plaintif kedua adalah Kamarudin Ahmad, plaintif ketiga dan Mohamed Tamin Mohd Yusof;
- (g) plaintif kedua telah membuat gadaian tanah kepada bank yang bernilai melebihi RM100 juta (iaitu RM102 juta) seperti berikut:
  - i. No. Gadaian 001 dalam jumlah cagaran RM20,000,000.00 kepada AmBank (M) Berhad (tarikh wujud: 7.6.1999);
  - ii. No. Gadaian 002 dalam jumlah cagaran RM20,000,000.00 kepada AmBank (M) Berhad (tarikh wujud: 7.6.1999);
  - iii. No. Gadaian 003 dalam jumlah cagaran RM20,000,000.00 kepada AmBank (M) Berhad (tarikh wujud: 18.8.1999);
  - iv. No. Gadaian 004 dalam jumlah cagaran RM25,000,000.00 kepada AmBank (M) Berhad (tarikh wujud: 1.2.2004);

- v. No. Gadaian 005 dalam jumlah cagaran RM17,000,000.00 kepada AmBank (M) Berhad (tarikh wujud: 7.6.1999).
- (h) pengerusi plaintif kedua iaitu plaintif ketiga memiliki majoriti saham dalam salah satu syarikat yang dilantik sebagai pemaju tanah iaitu syarikat Tenaga Ehsan Sdn Bhd;
- (i) pengurusan harta tanah dan/atau harta dan/atau dana Kerajaan Negeri Selangor di bawah kawalan plaintif-plaintif telah diaudit dan didapati terdapat soalan-soalan dan perkara-perkara luar aturan (irregularities) yang berbangkit yang perlu dijawab seperti (i) perlanggaran terma-terma dan tanggungjawab-tanggungjawab ikatan amanah bertarikh 16.3.1990; (ii) penggunaan tanah-tanah samada telah terbiar, dimajukan, dibina atau dilaburkan untuk perniagaan; (iii) penyata-penyata kewangan dan akaun-akaun yang tidak diselaraskan dan disyaki tidak teratur; (iv) mengapa terdapatnya keuntungan dan kerugian

dalam penyelarasan harta tanah dan/atau harta dan/atau dana yang diamanahkan; (v) hubungan antara plaintif pertama dengan plaintif kedua dan ketiga serta syarikat-syarikat perniagaan lain termasuk pengarah-pengarah dan pemegang-pemegang saham berkaitan yang membangkitkan persepsi konflik kepentingan; (vi) kegagalan dan/atau keabaian untuk melaksanakan harta tanah dan/atau harta dan/atau dana Kerajaan Negeri Selangor bagi tujuan seperti yang dijanjikan dan diamanahkan yang membangkitkan persepsi penyelewengan harta dan dana; (vii) perlanggaran dan/atau keabaian memenuhi syarat-syarat dan sekatan-sekatan ke atas harta tanah dan/atau harta dan/atau dana yang diamanahkan; (viii) mengapa terdapatnya penggadaian dan/atau pendaftaran kaveat ke atas tanah yang diamanahkan; dan (ix) tunggakan cukai tanah yang amat tinggi bagi tahun-tahun yang lepas sehingga notis-notis tuntutan bagi tunggakan tersebut disampaikan.

[35] Defendan pertama juga memplidkan bahawa defendan pertama telah mengambil langkah-langkah

munasabah untuk menentusahkan maklumat dan sumber, antara lainnya, bergantung kepada dokumen-dokumen asas dan laporan-laporan audit secara khususnya Kertas Putih oleh Bahagian Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Maklumat dan sumber berkenaan juga tersedia ada dan boleh diperolehi oleh orang awam termasuk melalui carian syarikat dan laporan media.

[36] Defendan pertama juga memplidkan akan bergantung kepada seksyen 9 Akta Fitnah, 1957 terhadap perkataan-perkataan yang diadukan.

[37] Defendan pertama seterusnya memplidikan jika sekiranya perkataan-perkataan yang diadukan mempunyai maksud fitnah, ianya adalah tertakluk dan *dibuat pada masa (on occasion of) perlindungan bersyarat (qualified privilege)* berdasarkan fakta-fakta/perkara-perkara yang benar dan/atau sebahagian besarnya (substantially) benar, dan yang menyentuh perkara-perkara kepentingan awam, iaitu antara lainnya, pelaksanaan ikatan amanah bertarikh 16.3.1990 dan tindakan plaintif-laintif dalam menguruskan harta tanah dan harta atau dana Kerajaan Negeri Selangor untuk tujuan membasmi kemiskinan selaras dengan ikatan amanah

tersebut. Butir-butir perlindungan bersyarat tersebut, ialah (perenggan 8.5 pernyataan pembelaan dan tuntutan balas defendant pertama):

- (a) plaintif pertama adalah sebuah yayasan yang diperbadankan untuk tujuan membasi kemiskinan;
- (b) plaintif-plaintif diamanahkan dengan harta dan harta atau dana Kerajaan Negeri Selangor untuk menguruskan program-program membasi kemiskinan;
- (c) plaintif pertama (YBK) merupakan pemegang syer terbesar dalam plaintif kedua (PYBK), plaintif kedua dikatakan adalah kenderaan (vehicle) untuk melaksanakan tujuan dan tanggungjawab-tanggungjawab plaintif pertama;
- (d) plaintif ketiga merupakan, antara lainnya-
  - i. pemegang amanah dalam plaintif pertama, dan juga penggerusi plaintif pertama;
  - ii. pengarah dalam plaintif kedua;

- iii. pengarah dan pemegang saham dalam Prihatin Ehsan Holdings Sdn Bhd (Prihatin Ehsan adalah pemegang saham dalam plaintif kedua);
  - iv. pengarah dan pemegang majoriti saham Tenaga Ehsan Sdn Bhd (salah satu syarikat yang dilantik sebagai pemaju tanah oleh Kerajaan Negeri Selangor).
- (e) defendant pertama merupakan Menteri Besar Negeri Selangor yang mengetuai Majlis Mesyuarat Kerajaan Selangor dan Kerajaan Negeri Selangor;
- (f) defendant pertama mempunyai kewajipan undang-undang dan/atau social dan/atau moral untuk mengeluarkan kenyataan media pada 24.2.2010; dan memastikan harta tanah dan/atau harta dan/atau dana Kerajaan Negeri Selangor yang diamanahkan telah dan sedang diuruskan atau dikendalikan dengan baik mengikut undang-undang, peraturan-peraturan dan objektif plaintif-plaintif untuk membasmi kemiskinan;

- (g) plaintif-plaintif dan/atau rakyat Selangor dan Malaysia mempunyai kepentingan bersama dalam subjek perkara kenyataan media tersebut, dan berhak mendengar atau menerima maklumat mengenai bagaimana harta tanah dan/atau harta dan/atau dana rakyat dan/atau Kerajaan Negeri Selangor sedang diuruskan atau dikendalikan;
- (h) defendan pertama berhak untuk membuat kenyataan media tersebut, antara lainnya-
- i. kerana rakyat mempercayai bahawa plaintif-plaintif telah dan sedang menguruskan dan mengendalikan harta tanah dan/atau harta dan/atau dana Kerajaan Negeri Selangor secara sepenuhnya dan dengan baik dan teratur untuk tujuan kebajikan/derma (charity), sedangkan ianya tidak benar;
  - ii. kerana harta tanah Kerajaan Negeri Selangor telah diamanahkan kepada plaintif kedua di mana plaintif pertama sebagai yayasan

- kebijikan/derma hanyalah satu pemegang saham dan di mana dua syarikat lain yang bukan bersifat kebijikan/derma akan mendapat keuntungan;
- iii. kerana tanah-tanah Kerajaan Negeri Selangor yang telah diamanahkan bagi tujuan membasmi kemiskinan sepatutnya diuruskan dengan baik mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang di bawah Kanun Tanah Negara; sebaliknya, cukai-cukai tanah yang seharusnya dibayar secara tahunan telah dibiarkan tertunggak bertahun-tahun bagi sekurang-kurangnya 15 tanh dengan jumlah tunggakan melebihi RM7 juta mengakibatkan notis-notis tuntutan disampaikan;
- iv. kerana terdapatnya persepsi konflik kepentingan yang telah dibangkitkan terutamanya peranan-peranan plaintif kedua dan ketiga yang perlu disiasat lebih lanjut;

- v. kerana, untuk suatu masa yang lama, tidak terdapat perbincangan atau notifikasi yang konsisten dan lazim berhubung aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh plaintif-plaintif seumpamanya melalui penyerahan rekod-rekod lengkap dan/atau akaun-akaun yang diaudit sepenuhnya oleh plaintif-plaintif kepada Kerajaan Negeri Selangor; dan
  - vi. kerana terdapat bukti bahawa projek-projek yang diuruskan oleh plaintif-plaintif tergendala atau terbengkalai.
- (i) defendant pertama telah mengambil langkah-langkah munasabah untuk menentusahkan maklumat dan sumber, antara lainnya, bergantung kepada dokumen-dokumen asas dan laporan-laporan audit secara khususnya Kertas Putih oleh Bahagian Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Maklumat dan sumber berkenaan juga tersedia ada dan boleh diperolehi oleh orang awam

termasuk melalui carian syarikat dan laporan media;

- (j) defendant pertama akan bergantung kepada seksyen 12(1) Akta Fitnah 1957 dibaca bersama butiran (2) dan (3) Bahagian I, Jadual Akta dan juga seksyen 12(2) dibaca bersama dengan butiran (3) dan (5) Bahagian II kepada Jadual Akta tersebut.

[38] Melalui tuntutan balasnya, defendant pertama mengatakan oleh kerana tindakan plaintif-plaintif di sini dibuat dengan motif jahat dan/atau niat tersembunyi untuk mencemarkan nama baik, imej dan reputasi defendant sebagai Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undang negeri Selangor dan Menteri Besar Negeri Selangor dalam percubaan untuk mengurangkan sokongan rakyat bagi defendant pertama di pilihanraya umum dan pilihanraya negeri akan dating, maka defendant pertama telah kerugian dan kerosakan dari segi gangguan mental, masa dan tenaga bagi membela tindakan ini, dan yang demikian defendant pertama menuntut balas terhadap plaintif-plaintif bagi (a) gantirugi am untuk ditaksirkan, (b) gantirugi teladan, (iii) kos, dan (iv) lain-lain relif lanjut yang wajar dan suaimanfaat oleh mahkamah ini (perenggan 16,17,18,

20 dan 21 pernyataan pembelaan dan tuntutan balas defendan pertama).

### Pembelaan defendan kedua

[39] Secara keseluruhannya pembelaan defendan kedua adalah menyamai seperti apa yang telah diplidkan oleh defendan pertama dan defendan kedua mengulangi kebanyakan butir-butir pembelaan yang diplidkan oleh defendan pertama.

[40] Defendan kedua memplidkan bahawa komen atau aduan oleh defendan kedua mengenai tingkah laku plaintiff-plaintif adalah merupakan *suatu komen yang berpatutan (fair comment) dan justifikasi* yang dibuat tanpa niat jahat, berdasarkan fakta yang betul serta bagi kepentingan awam memandangkan ia melibatkan harta tanah dan/atau dana Kerajaan Negeri Selangor.

[41] Defendan kedua juga memplidkan bahawa defendan kedua sebagai Exco Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor berhak menyoal serta bertangungjawab dalam menjaga kepentingan awam kerana ia melibatkan harta tanah dan/atau harta dan/atau dana Kerajaan Negeri Selangor bagi diuruskan dengan baik dan telus dan yang

demikian defendan kedua pengataan-pengataan oleh defendan kedua adalah tertakluk dan dibuat pada masa *perlindungan bersyarat (on occasion of qualified privilege)*.

[42] Defendan kedua juga memplidkan akan bergantung kepada seksyen 9 Akta Fitnah 1957.

### **Undang-undang berkaitan fitnah**

[43] Di dalam tindakan tort fitnah, adalah menjadi undang-undang mantap bahawa beban pembuktian adalah ke atas plaintif bagi membuktikan kewujudan tiga elemen berikut:

- (a) pernyataan-pernyataan yang diadukan itu adalah mengandungi unsur-unsur fitnah;
- (b) pernyataan-pernyataan fitnah tersebut adalah merujuk kepada plaintif; dan
- (c) pernyataan-pernyataan fitnah tersebut telah diterbitkan kepada pihak ketiga (penyiaran).

[44] Dalam kes *Chok Foo Choo v The China Press Bhd* [1999] 1 CLJ 461 Mahkamah Rayuan mengatakan seperti berikut:

“It cannot, I think, be doubted that the first task of a court, in action for defamation, is to determine whether the words complained of are capable of bearing a defamatory meaning. And it is beyond argument that this is in essence a question of law that turns upon the construction of the words published.

Having decided whether the words complained of are capable of being a defamatory meaning, the next step in the enquiry is for a court to ascertain whether the words complained of are in fact defamatory. This is a question of fact dependent upon the circumstances of a particular case.”

[45] Seterusnya Mahkamah Rayuan di dalam kes *Chok Foo Choo v The China Press* (supra), seperti berikut:

“...the test which is to be applied lies in the question: do the words published in their natural meaning and ordinary meaning impute to the plaintiff any dishonorable or discreditable conduct or motive or lack of integrity on his part? If the question invites an affirmative response, the words complained of are defamatory.”

[46] Di dalam kes *Tun Datuk Pertinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub v Bre Sdn Bhd & Ors* [1995] 1 LNS 304, [1996] 1 MLJ 393 Richard Malanjum J (beliau ketika itu) dalam menilai pernyataan-pernyataan yang diadukan telah mengatakan seperti berikut:

“It is not confined to strict literal meanings of the words complained of, but extends to any reference or implication from which persons can reasonably draw. Further, the words complained of must be considered as a whole, bearing in mind, inter alia, the context in which they were used.”

[47] Sekiranya beban pembuktian tersebut telah dipenuhi/dipuaskan oleh plaintif, maka beban berpindah

kepada defendant bagi membuktikan melalui keterangan yang kredible bahawa pernyataan-pernyataan oleh defendant tersebut tergolong di dalam mana-mana bentuk pembelaan yang diplidkan oleh defendant bagi melihatkan perkataan atau penyataan yang dirujukkan tersebut bukanlah fitnah (defamatory) (lihat *Lim Guan Eng v Utusan Melayu (M) Bhd* [2012] 2 CLJ 619).

[48] Dalam kes *Ayob bin Saud v TS Sambathanmurthi* [1989] 1 MLJ 315; [1989] 1 CLJ (Rep) 321, Mohamed Dzaiddin J (beliau ketika itu) telah memberikan panduan seperti berikut:

“In our law on libel, which is governed by the Defamation Act 1957, the burden of proof lies on the plaintiff to show (1) the words are defamatory; (2) the words refer to the plaintiff; and (3) the words were published. Where a defence of qualified privilege is set up, as in the present case, the burden lies on the defendant to prove that he made the statement honestly, and without any indirect or improper motive. Then, if he succeeds in establishing qualified privilege, the burden is shifted to the plaintiff in this case to show actual or express malice

which upon proof thereof, communication made under qualified privilege could no longer be regarded as privileged (*Rajagopal v Rajam* [1972] 1 MLJ 24)".

[49] Di dalam tindakan tort fitnah, pembelaan boleh dibawa bahawa perkataan atau pernyataan yang diadukan bukan merupakan suatu fitnah (defamatory) berdasarkan kepada prinsip atau pembelaan berikut:

- (i) justifikasi (justification);
- (ii) perlindungan mutlak (absolute privilege);
- (iii) perlindungan bersyarat (qualified privilege) dan lanjutan atasnya (extended qualified privilege); atau
- (iv) komen berpatutan (fair comment).

[50] Prinsip undang-undang samada pernyataan-pernyataan yang diadukan adalah berunsur fitnah telah dibincangkan dalam kes *Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'akub v Bre. Sdn Bhd & Ors* [1996] 1 MLJ 393

di muka surat 304 di mana Richard Manjum J (beliau ketika itu) mengatakan seperti berikut:

"As to whether the words complained of in this case were capable of being, and were, in fact, defamatory of the plaintiff, the test to be considered is whether the words complained of were calculated to expose him to hatred, ridicule or contempt in the mind of a reasonable man or would tend to lower the plaintiff in the estimation of right-thinking members of society generally (see *JB Jeyaretnam*). Mohamed Azmi J (as he then was) in *Syed Husin Ali v Sharikat Perchetakan Utusan Melayu Bhd & Anor* [1973] 2 MLJ 56 at p 58 said:

Thus, the test of defamatory nature of a statement is its tendency to excite against the plaintiff the adverse opinion of others, although no one believes the statement to be true. Another test is: would the words tend to lower the plaintiff in the estimation of right-thinking members of society generally? The typical type of defamation is an attack upon the moral character of the plaintiff attributing crime,

dishonesty, untruthfulness, ingratitude or cruelty.

Words could still be defamatory even if they did not really lower a plaintiff in the estimation of those to whom they were published. The law looks only to its tendency (see *JB Jeyaretnam v Goh Chok Tong; Syed Husin Ali v Sharikat Perchetakan Utusan Melayu Bhd & Anor*).

[51] Halsbury's Law of Malaysia Vo. 13 (2007 Reissue) Defamation Tort di muka surat 36 para 370.043 memberikan langkah ujian bagi menentukan wujudnya "defamatory", seperti berikut:

"The test of what is defamatory.

The meaning of words is a question entirely for the court. In deciding whether or not a statement is defamatory, the court must first consider what meaning the words would convey to the law abiding citizen, the average thinking man, the ordinary, reasonable person or the right thinking members of society generally. Having determined the meaning, the test is whether, under the circumstances in which the

words were published, a reasonable person to whom the publication was made would be likely to understand it is a defamatory sense."

[52] Dalam kes *Keluarga Communication Sdn Bhd v Normala Samsudin & Another Appeal* [2006] 2 CLJ 46 Zulkefli Makinuddin JCA (beliau ketika itu) menyampaikan pengakiman bagi pihak Mahkamah Rayuan telah mengatakan (terjemahan) di muka surat 49 seperti berikut:

"(1) Ujian yang harus dipakai dalam mempertimbangkan sama ada sesuatu kenyataan itu telah memfitnah adalah satu ujian objektif. Ertinya, ia harus diberi maksud yang difahami oleh seorang yang munasabah, dan untuk tujuan itu, iaitu menentukan sama ada perkataan yang dibantahi mengandungi unsur fitnah, adalah perlu untuk mempertimbangkan keseluruhan artikel."

[53] Akta Fitnah, 1957 memperuntukkan jenis pembelaan-pembelaan seperti justifikasi (seksyen 8), komen berpatutan (seksyen 9) dan perlindungan bersyarat (seksyen 12) dalam kes tindakan fitnah.

[54] Justifikasi adalah suatu pembelaan yang bersifat pembelaan sempurna atau penuh (complete defence) kepada fitnah jika perkataan yang dikatakan fitnah itu adalah benar tidak berbohong (lihat *Dato' Seri Anwar Ibrahim v Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad* [1999] 7 CLJ 32; [1999] 4 AMR 3926, *Abdul Rahman Talib v Seenivasagam & Anor* [1966] 1 LNS 5).

[55] Dalam kes *Chew Peng Cheng v Anthony Teo Tiao* [2008] 5 MLJ 577; [2008] AMEJ 0011, [2008] 8 CLJ 418 Hamid Sultan JC (beliau ketika itu) mengatakan pembelaan justifikasi tidak memerlukan setiap pernyataan yang diadukan sebagai fitnah itu perlu dibuktikan:

“In a plea of justification, it is essential for the defendant to prove that (i) the defamatory imputation is true; (ii) justify the precise imputation complained of; and (iii) prove the truth all the material statements in libel. There must be substantial justification of the whole libel. However, it is not necessary to prove the truth of every word of the libel (see *Workers Party v Tay Boon Too* [1975] 1 MLJ 47). Further it is not necessary to prove the truth of every

charge if the words not proved to be true do not materially injure the plaintiff's reputation, having regard to the truth of the remaining charges."

[56] Di dalam taksiran ke atas seksyen 8 Akta Fitnah 1957, dalam kes *Chong Swee Huat & Anor v Lim Shian Ghee (t/a L & G Consultants & Education Services)* [2009] 3 MLJ 665; [2009] 4 AMR 1, Zainun Ali JCA (beliau ketika itu) telah menyatakan seperti berikut:

"...In other words, a purposive approach is taken in interpreting section 8 – when for a defence of justification to be upheld, it is not necessary to prove the truth of every word in the statement said to be defamatory. What is relevant is actually the truth of the imputation of the overall statement."

[57] Adalah juga undang-undang mantap (trite) bahawa pembelaan komen berpatutan (fair comment) tidak boleh menjadi pembelaan jika terbukti fakta-fakta yang didakwa adalah tidak benar atau tidak berdasarkan kepada apa-apa fakta asas (lihat: *R v Flowers* [1880] 44 JD 377, *Campbell v Spottiswoode* [1863] 3 B&S 769, *Rajagopal v Rajan* [1971] 1 LNS 117, *Tun Datuk Patinggi Haji Abdul*

*Rahman Ya'kub v Bre Sdn Bhd* (supra), *JB Jayaretnam v Goh Chok Tong* [1989] 3 MLJ 1, *Lee Kuan Yew v Derek Gwyn Davies & Ors* [1990] 1 CLJ 583). Dalam kes *Chew Peng Cheng v Anthony Teo Tiao Gin* (supra) Hamid Sultan Abu Backer JC (beliau ketika itu) mengatakan seperti berikut dalam ujian berkaitan komen berpatutan:

"It is trite that to succeed, the defence must establish: (i) the words complained of are comment, though it may consist of or include inference of facts; (ii) the comment is on a matter of public interest; (iii) the comment is based on facts; (iv) the comment is one which a fair-minded person can honestly make on the facts proved.

Further, it is not necessary to prove for the defence of fair comment to succeed, to prove each of the facts pleaded in support; all that is needed is to prove such of the facts as are sufficient to form the basis of fair comment. The test is an objective one and not subjective, ie, whether on all the facts of the case a fair minded person could honestly come to the conclusion as the defendant did."

[58] Dalam kes *Dato' Seri Mohammad Nizar Jamaluddin v Sistem Televisyen Malaysia Berhad & Anor* [2014] 3 CLJ 560, Mahkamah Rayuan telah menimbangkan pembelaan “fair comment” dan memutuskan seperti berikut:

“[50] The law on the defence of fair comment is that if the defendant can prove that the defamatory statement is an expression of opinion on a matter of public interest and not a statement of facts, he or she can rely on the defence of fair comment. The courts have said that whatever a matter is such as to affect people at large, so that they may be legitimately interested in, or concerned at, what is going on or what may happen to them or to others, then it is a matter of public interest on which everyone is entitled to make fair comment.”

[59] Undang-undang juga tidak memerlukan pembuktian secara terus (direct) wujudnya niat jahat (malicious intention) tetapi boleh dilihatkan secara tersirat atau inferens dari keadaan (lihat: *Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub v Bre Sdn Bhd & Ors* [1991] 1 LNS 304, *Dato Musa Hitam v SH Alattas & Ors* [1991] 1 CLJ

314, *The Institute of Commercial Management United Kingdom v The New Straits Times Press (M) Bhd* [1993] 2 CLJ 365, *Inggeris Horrocks v Lowe* [1975] AC 135).

### **Isu-isu yang perlu diputuskan**

[60] Isu-isu bicara yang perlu diputuskan berkaitan perkataan-perkataan yang diadukan yang melibatkan **defendant pertama**, adalah seperti berikut:

- (a) samada perkataan-perkataan yang diadukan yang dipetik daripada artikel bertajuk “*Zainal Sakom Gadai Tanah YBK*” berupaya mempunyai maksud-maksud yang bersifat fitnah terhadap plaintiff-plaintiff;
- (b) seandainya berupaya mempunyai maksud-maksud sedemikian, adakah perkataan-perkataan yang diadukan itu telah menfitnah plaintiff-plaintiff;
- (c) samada perkataan-perkataan yang diadukan yang dipetik daripada artikel bertajuk “*Kemelut YBK: MB Marah Orang Melayu Tipu Melayu*”

berupaya mempunyai maksud-maksud yang bersifat fitnah terhadap plaintif-plaintif;

- (d) seandainya berupaya mempunyai maksud-maksud sedemikian, adakah perkataan-perkataan yang diadukan itu telah memfitnah plaintif-plaintif;
- (e) samada defendan pertama telah membuat perkataan-perkataan yang diadukan dalam artikel bertajuk “*Zainal Sakom Gadai Tanah YBK*”;
- (f) samada defendan pertama telah membuat perkataan-perkataan yang diadukan dalam artikel bertajuk “*Kemelut YBK: MB Marah Orang Melayu Tipu Melayu*”;
- (g) samada defendan pertama telah menerbitkan dan/atau mengakibatkan penerbitan perkataan-perkataan yang diadukan tersebut dalam akhbar Suara Keadilan edisi 2-9 Mac 2010 di bawah tajuk “*Zainal Sakom Gadai Tanah YBK*”;

- (h) samada defendan pertama telah menerbitkan dan/atau mengakibatkan penerbitan perkataan-perkataan yang diadukan tersebut dalam artikel di laman web <http://tvselangor.com> yang bertajuk "Kemelut YBK: MB Marah Orang Melayu Tipu Melayu";
- (i) samada defendan pertama telah dengan niat jahat mengatakan perkataan-perkataan yang diadukan dan menyebabkan penerbitan perkataan-perkataan itu;
- (j) sekiranya perkataan-perkataan yang diadukan dibuat oleh defendan pertama membawa maksud fitnah, samada ia adalah komen yang berpatutan (fair comment);
- (k) sekiranya perkataan-perkataan yang diadukan dibuat oleh defendan pertama membawa maksud fitnah, samada ia adalah tertakluk kepada pembelaan bersyarat (qualified privilege);

- (l) dan/atau samada penerbitan perkataan-perkataan yang diadukan dibuat oleh defendant pertama adalah terlindung di bawah seksyen 12 Akta Fitnah 1957;
- (m) samada plaintiff-plaintif telah mengalami sebarang kerosakan dan/atau kecederaan kepada reputasi, imej, ketulusan dan nama baik plaintiff-plaintif akibat penerbitan perkataan-perkataan yang diadukan;
- (n) samada plaintiff-plaintif berhak kepada relif-relif yang dituntut seperti yang diplidkan.

[61] Isu-isu bicara yang perlu diputuskan berkaitan perkataan-perkataan yang diadukan yang melibatkan **defendant kedua**, adalah seperti berikut:

- (a) samada perkataan-perkataan yang diadukan yang dipetik daripada artikel bertajuk “*Zainal Sakom Gadai Tanah YBK*” berupaya mempunyai maksud-maksud yang bersifat fitnah terhadap plaintiff-plaintif;

- (b) seandainya berupaya mempunyai maksud-maksud sedemikian, adakah perkataan-perkataan yang diadukan itu telah menfitnah plaintiff-plaintif;
- (c) samada defendan kedua telah menerbitkan dan/atau mengakibatkan penerbitan perkataan-perkataan yang diadukan tersebut dalam akhbar Suara Keadilan edisi 2-9 Mac 2010 di bawah tajuk "*Zainal Sakom Gadai Tanah YBK*";
- (d) samada defendan kedua telah dengan niat jahat mengatakan perkataan-perkataan yang diadukan dan menyebabkan penerbitan perkataan-perkataan itu;
- (e) sekiranya perkataan-perkataan yang diadukan dibuat oleh defendan kedua membawa maksud fitnah, samada ia adalah terlindung di bawah pembelaan justifikasi;
- (f) sekiranya perkataan-perkataan yang diadukan dibuat oleh defendan kedua membawa maksud fitnah, samada ia adalah komen yang berpatutan (fair comment);

- (g) sekiranya perkataan-perkataan yang diadukan dibuat oleh defendan pertama membawa maksud fitnah, samada ia adalah tertakluk kepada pembelaan bersyarat (qualified privilege);
- (h) samada plaintif-plaintif telah mengalami sebarang kerosakan dan/atau kecederaan kepada reputasi, imej, ketulusan dan nama baik plaintif-plaintif akibat penerbitan perkataan-perkataan yang diadukan;
- (i) samada plaintif-plaintif berhak kepada relif-relif yang dituntut seperti yang diplidkan.

### **Isu-isu berkaitan tuntutan balas defendan pertama**

[62] Isu-isu bicara yang perlu diputuskan berkaitan tuntutan balas defendan pertama, ialah:

- (a) samada tindakan guaman ini oleh plaintif-plaintif terhadap defendan pertama dimulakan dengan motif jahat dan/atau niat tersembunyi untuk mencemarkan nama baik, imej dan reputasi defendan pertama dan/atau juga untuk

mengganggu (harass) defendan pertama seperti yang diplidkan dalam tuntutan balas defendan pertama;

- (b) samada defendan pertama mengalami kerugian dan kerosakan akibat tindakan ini;
- (c) samada defendan pertama berhak untuk mendapatkan relif-relif yang diplidkan.

### **Findings dan keputusan mahkamah**

[63] Seperti yang telah dinyatakan diawal penghakiman ini, di dalam tindakan tort fitnah (libel), mahkamah perlu menimbangkan dan memutuskan samada plaintif telah dapat membuktikan tiga elemen berikut:

- (a) pernyataan-pernyataan yang diadukan itu adalah mengandungi unsur-unsur fitnah;
- (b) pernyataan-pernyataan fitnah tersebut adalah merujuk kepada plaintif; dan

- (c) pernyataan-pernyataan fitnah tersebut telah diterbitkan kepada pihak ketiga (penyiaran).
- (i) ***Samada perkataan-perkataan yang diadukan itu mengandungi unsur fitnah atau membawa maksud fitnah***

[64] Plaintiff telah memplidkan dan menurunkan di perenggan 12 dan perenggan 13 pernyataan tuntutan plaintiff, bukitiran perkataan-perkataan yang diadukan sebagai perkataan-perkataan yang mengandungi fitnah atau membawa maksud fitnah oleh defendant pertama dan kedua terhadap plaintiff-plaintiff.

[65] Dalam kes *Keluarga Communication Sdn Bhd v Normala Samsudin & Another Appeal* (supra), Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa ujian yang harus dipakai dalam mempertimbangkan sama ada sesuatu perkataan itu telah memfitnah adalah ujian objektif. Ertinya, ia harus diberi maksud yang difahami oleh seorang yang munasabah (reasonable man), dan bukan apa yang difahami oleh defendant semasa kenyataan itu diucapkan, ditulis, dicetak dan diterbitkan dan untuk tujuan itu, iaitu menentukan sama ada perkataan yang dibantahi

mengandungi unsur fitnah, adalah perlu untuk mempertimbangkan keseluruhan artikel (lihat juga kes: *Dato' Musa Hitam v S.H. Alattas & Ors* [1991] 2 CLJ 487; *Datuk Yong Teck Lee & Anor v Datuk Harris Mohd Salleh* [2014] 6 CLJ 649 CA).

[66] Mahkamah menimbangkan artikel bertajuk “*Zainal Sakom Gadai Tanah YBK*” (eksibit “P2” – Ikatan C) dan artikel bertajuk “*Kemelut YBK: MB Marah Orang Melayu Tipu Melayu*” (eksibit “P5” – Ikatan C) tersebut iaitu keseluruhan pengataan-pengataan defendant pertama yang terdapat di dalamnya dan perkataan-perkataan yang diadukan samada ianya mengandungi unsur fitnah atau membawa maksud fitnah.

[67] Sebagai kemudahan rujukan, mahkamah membutirkan kembali perenggan 12 dan 13 yang diplidkan oleh plaintif-plaintif ke atas perkataan-perkataan yang diadukan.

[68] Di dalam perenggan 12 pernyataan tuntutan, plaintif-plaintif memplidkan bahawa perkataan-perkataan di bawah artikel bertajuk “*Zainal Sakom Gadai Tanah YBK*” (“P2”) yang diadukan adalah (perkataan-perkataan yang diadukan):

- “12.1 *Zainal Sakom Gadai Tanah YBK*”;
- 12.2. “*Ketika menjadi pengurus YBK dan pengarah PYBK, Datuk Zainal turut menjadi Pengarah Syarikat Prihatin Holdings Sdn Bhd, yang memajukan tanah-tanah kerajaan negeri yang diberikan kepada yayasan itu*”;
- 12.3 “*Dua pemaju dilantik oleh kerajaan UMNO-BN pada 8 Mac 1995 untuk memajukan 2165 ekar tanah berkenaan, iaitu syarikat Tenaga Ehsan Sdn Bhd dan Shah Alam Properties Berhad.*
- “*Pengerusi YBK, Zainal Sakom didapati memiliki majoriti saham dalam sebuah syarikat yang dilantik sebagai pemaju tanah, iaitu syarikat Tenaga Ehsan. Maklumat ini antara maklumat penting yang akan didedahkan secara berperingkat menerusi kertas putih yang telah kita janjikan*” katanya.”

- 12.4 "Mesyuarat Exco berpendapat, penemuan mengenai milikan saham dan pelantikan pengurus projek pembangunan tanah perlu diperjelaskan kepada kerajaan negeri untuk mengetahui jika YBK diurus dengan baik oleh PYBK", tegas Menteri Besar lagi."
- 12.5 "Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Permodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan Yaakob Sapari menyifatkan tindakan tegar Zainal menggadai tanah milik kerajaan negeri kepada bank memenuhi keinginan peribadi beliau bersama teman segandingnya sebagai perbuatan khianat kerana melanggar syarat yang ditetapkan kerajaan negeri sebelum ini."

[69] Di dalam perenggan 13 pernyataan tuntutan, plaintif-plaintif memplidkan bahawa perkataan-perkataan di bawah artikel bertajuk "Kemelut YBK: MB Marah Orang Melayu Tipu Melayu" ("P5") yang diadukan adalah (perkataan-perkataan yang diadukan):

- “13.1 “*Tindakan tegas Kerajaan Selangor terhadap Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) dengan mengambil semula tanah itu menyelamatkan asset berkenaan dari tergadai di bank, kata Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.*”;
- 13.2 “*Tanpa disedari umum, beliau berkata, nilai tanah yang dicagar kepada bank, nilainya menjangkau lebih RM100 juta.*”;
- 13.3 “*Saya, orang tak jaga duit saya marah. Orang tak jaga harta, saya marah. Bukan harta dia, harta rakyat. YBK bagi tanah dapat RM15 seekar. Selepas tak jaga, bila saya periksa tanah kerajaan negeri dulu bagi, diurusniagakan.*”
- 13.4 “*Tak tahu dapat untung atau tidak. Rupanya sudah dicagar kepada bank melebihi RM100 juta’ katanya pada Majlis Penerangan Kerajaan Selangor di Kampung Desa Maju, Sungai Tengi, Ulu Bernam.*”

- 13.5     “Beliau dengan tegas dan lantang membidas sikap sesetengah orang Melayu yang hanya pandai menindas kaum mereka yang miskin dan merampas hak yang sepatutnya dinikmati mereka.”;
- 13.6     “Sebaliknya, katanya, kerajaan negeri pula dituduh menjadi punca pembangunan pendidikan tidak dapat dilaksanakan atas tanah berkenaan sedangkan cadangan itu tidak pernah muncul ketika tanah itu terbiar dan hampir tergadai.”
- 13.7     “Esok, tak adalah tanah-tanah itu. Bank bukan miskin yang punya. Itu sebab saya pertahankan. Sudah ramai kata saya marah pada orang Melayu, tetapi saya marah orang Melayu tipu Melayu,’ katanya.”

[70] Mahkamah menimbangkan kandungan kedua-dua artikel dan perkataan-perkataan yang diadukan secara berasingan disebabkan perkataan-perkataan dan artikel “P2” dan “P5” yang dirujukkan adalah diterbitkan pada

tarikh yang berbeza, kandungan yang berbeza dan penerbit yang berbeza dan diplidkan secara berasingan melalui perenggan 12 dan 13 pernyatan tuntutan. "P2" adalah artikel yang terdapat dalam akhbar Suara Keadilan. "P3" pula adalah artikel yang terdapat dalam laman web <http://tvselangor.com> Mahkamah juga menimbangkan perkataan-perkataan yang diadukan terhadap defendan kedua dalam "P2" secara berasingan disebabkan perkataan-perkataan atau artikel yang merujuk kepada defendan kedua dibuat pada masa yang berlainan dan berasingan dari sidang media defendan pertama. Setelah meneliti keterangan yang terdapat dan perkataan-perkataan yang diadukan, Mahkamah membuat kesimpulan dan dapatan bahawa pengataan-pengataan yang diadukan itu sememangnya membawa maksud dan gambaran yang menjurus kepada maksud bahawa plaintif pertama dan kedua telah tidak diuruskan dengan penuh tanggungjawab sebagaimana yang diamanahkan dan plaintif ketiga sebagai pemegang amanah dan penggerusi YBK serta pengarah dalam PYBK mendapat faedah atau keuntungan peribadi atau secara curang dari kedudukannya di dalam plaintif pertama dan kedua. Mahkamah berpuas hati plaintif-plaintif telah membuktikan elemen pertama yang diperlukan bahawa perkataan-perkataan yang terdapat di dalam artikel "P2"

dan “P5” adalah mempunyai unsur fitnah atau membawa maksud fitnah.

**(ii) *Samada artikel (“P1” dan “P5”) tersebut merujuk kepada plaintif***

[71] Elemen kedua yang perlu dibuktikan oleh plaintif ialah artikel “P2” dan “P5” tersebut adalah merujuk kepada plaintif-plaintif. Di dalam kes *Morgan v Odhams Press Ltd* [1971] 1 WLR 1239, mahkamah melalui Lord Donovan mengatakan seperti berikut:

“It is always for the plaintiff to prove the defamatory words were published of and concerning him. The onus is firmly upon him, and if he does not discharge it, he has no cause of action.”

[72] Kedua-dua artikel “Zainal Sakom Gadai Tanah YBK” (“P2”) dan “Kemelut YBK: MB Marah Orang Melayu Tipu Melayu” (“P5”) membuat rujukan secara khusus kepada nama plaintif pertama (YBK), plaintif kedua (PYBK) dan plaintif ketiga. Defendan pertama tidak menafikan beliau merujuk kepada plaintif-plaintif tersebut semasa sidang media (“P2”) dan siaran akhbar (“P1”) yang dibuat.

Defendant pertama juga tidak menafikan beliau ada merujuk kepada plaintif pertama, kedua dan ketiga semasa Majlis Penerangan Kerajaan Selangor berkaitan isu YBK seperti yang diterbitkan oleh artikel "P5". Defendant kedua pula tidak menafikan beliau ada merujuk kepada nama plaintif ketiga iaitu "Zainal", tetapi menafikan ada menggunakan perkataan "tegar" terhadap plaintif ketiga seperti yang terdapat dalam "P2".

[73] Di atas keterangan yang ada, mahkamah berpuas hati plaintif-plaintif telah dapat membuktikan elemen kedua, iaitu perkataan-perkataan yang diadukan dalam artikel "P2" dan "P5" adalah ditujukan ke atas plaintif-plaintif.

**(iii) *Samada pernyataan-pernyataan yang memfitnah plaintif telah disiarkan atau diterbitkan (published)***

[74] Elemen ketiga yang perlu dibuktikan oleh plaintif ialah pernyataan-pernyataan fitnah terhadap plaintif tersebut telah disiarkan atau diterbitkan (published).

[75] Plaintiff-plaintiff mengemukakan artikel bertajuk "*Zainal Sakom Gadai Tanah YBK*" (ditandakan "P2") dan

*“Kemelut YBK: MB Marah Orang Melayu Tipu Melayu”*  
*(ditandakan “P5”).*

[76] SP2 (Norashikin binti Samsi) bekas wartawan akhbar Suara Keadilan mengesahkan artikel bertajuk *“Zainal Sakom Gadai Tanah YBK”* (eksibit “P2”) mencatitkan nama beliau sebagai wartawan yang menulisnya. SP2 mengatakan beliau hadir semasa sidang media oleh defendan pertama yang diadakan selepas mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Selangor. SP2 membuat rakaman ke atas sidang media oleh defendan pertama. SP2 mengatakan beliau menulis artikel tersebut berdasarkan kepada rakaman yang beliau buat yang beliau dengar kembali serta siaran akhbar yang diedarkan oleh Pejabat Menteri Besar Selangor susulan selepas sidang media (eksibit “P1”). SP2 semasa diperiksa balas oleh peguamcara defendan pertama memberi keterangan bahawa beliau menulis telah secara berasingan di dalam dua versi artikel bagi perkara sidang media defendan pertama dan temubual beliau dengan defendan kedua. Draf dua artikel tersebut kemudiannya SP2 serahkan kepada editor beliau bernama Zulkarnain Taib secara e-mail. Bagaimana pun SP2 tidak tahu samada terdapat pengolahan atau tambahan atau pindaan kepada draft tulisan beliau itu disebabkan SP2 tidak dapat jawapan ke

atas e-mail beliau dan SP2 juga tidak lagi menyimpan pita rakaman asal untuk membuat perbandingan. SP2 mengatakan selepas artikel “P2” diterbitkan, beliau dapati dua artikel beliau telah digabungkan oleh pihak editor menjadi hanya satu artikel iaitu “P2”. Bagaimana pun SP2 mengatakan “P2” adalah diasaskan kepada penulisan beliau. SP2 seterusnya mengatakan rakaman yang beliau buat semasa sidang akhbar defendant pertama dan temubual dengan defendant kedua telah diserahkan oleh beliau kepada syarikat beliau bekerja Pelita Koridor Sdn Bhd iaitu penerbit akhbar Suara Keadilan sebelum beliau berhenti kerja dan oleh itu SP2 tidak tahu apa terjadi kepada rakaman tersebut. Semasa diperiksa balas lanjut oleh peguamcara defendant-defendant, SP2 bersetuju oleh kerana rakaman asal beliau telah tidak lagi disimpan, maka tiada perbandingan dapat dibuat untuk memastikan setiap perkataan-perkataan yang terdapat dalam artikel oleh akhbar Suara Keadilan edisi 2-9 Mac 2010 bertajuk “*Zainal Sakom Gadai Tanah YBK*” tersebut adalah perkataan oleh defendant-defendant. SP2 juga tidak lagi menyimpan pita rakaman asal beliau yang melibatkan temubual beliau dengan defendant kedua yang beliau temubual di bangunan SUK Selangor selepas tamat sidang akhbar defendant pertama. SP2 mengatakan draft artikel tulisan beliau ditulis berdasarkan rakaman yang

beliau buat. Defendan kedua di dalam keterangannya mengatakan perkataan seperti “tegar” yang terdapat dimuka surat 2 eksibit “P2” bukan perkataan yang biasa beliau gunakan dan dengan itu menafikan ungkapan “tegar” tersebut diucapkan olehnya. Bagaimana pun defendan pertama tidak menafikan ada memberikan satu sidang media pada 24.2.2010 berkaitan YBK. Defendan pertama juga tidak menafikan Pejabat Menteri Besar ada membuat siaran akhbar (press release) selepas sidang akhbar tersebut (“P1”). Defendan kedua pula tidak menafikan beliau ada ditemubual oleh SP2 selepas sidang akhbar defendan pertama. Defendan-defendan juga bersetuju dengan peguamcara plaintif bahawa mereka tidak ada membuat bantahan atau sebarang pembetulan ke atas artikel “P2” yang diterbitkan itu. Wajar disebutkan disini siaran akhbar “P1” di bawah tajuk “*Maklumat Terbaharu Mengenai YBK*” walau pun dirujukkan di perenggan 7 pernyataan tuntutan plaintif-plaintif tetapi “P1” tersebut bukan merupakan perkataan-perkataan yang diadukan tetapi hanya bagi keterangan sokongan kes plaintif. Oleh itu pertimbangan mahkamah ini berkaitan saman “fitnah” hanya ke atas perkataan-perkataan yang diadukan yang terdapat dalam artikel “P2” dan “P5” yang diplidkan masing-masingnya oleh plaintif-plaintif melalui perenggan 12 dan 13 pernyataan tuntutan.

[77] Berdasarkan kepada keterangan yang ada, iaitu keterangan oleh SP1, SP2, eksibit “P1” dan “P2”, mahkamah berpuas hati bahawa plaintif-plaintif telah membuktikan perkataan-perkataan yang diadukan di bawah artikel “*Zainal Sakom Gadai Tanah YBK*” (“P2”) telah diterbitkan dan disiarkan bagi bacaan dan tatapan masyarakat umum. Defendan pertama meniatkan sidang akhbar pada 24.2.2010 diberi publisiti dan telah mengakibatkan atau menyebabkan artikel tersebut disiarkan. Defendan kedua pula mempunyai pengetahuan tujuan temubual oleh SP2 adalah bagi kandungan temubual itu diterbitkan. Ianya telah diterbitkan dalam “P2”. Defendan-defendan juga mengakui akhbar Suara Keadilan adalah milik parti politik yang mereka menjadi ahli parti iaitu Parti Keadilan Rakyat (PKR). Mahkamah berpuas hati plaintif telah membuktikan elemen ketiga yang diperlukan berkaitan artikel “P2” tersebut.

[78] Mahkamah menimbangkan pula artikel di “P5”. Plaintiff-plaintif tidak memanggil sebarang saksi daripada ‘tvselangor’ atau laman web <http://tvselangor> bagi membuktikan artikel bertajuk “*Kemelut YBK: MB Marah Orang Melayu Tipu Melayu*” (“P5”). Di awal prosiding perbicaraan, peguamcara defendan pertama dan kedua

tidak membantah bagi artikel “P5” yang dikemukakan oleh plaintif ketiga (SP1) ditandakan sebagai eksibit “P5” dengan syarat ianya tertakluk kepada pembuktian ke atas kandungannya yang masih perlu dibuktikan oleh plaintif-plaintif. Peguamcara defendan-defendan menghujahkan tanpa plaintif-plaintif memanggil pembuat (maker) artikel “P5” maka kandungan artikel tersebut khususnya perkataan-perkataan yang diadukan di perenggan 13 pernyataan tuntutan plaintif terus kekal sebagai suatu dakwaan atau alegasi yang tidak dibuktikan oleh plaintif sebagai perkataan-perkataan yang datang daripada atau dibuat oleh defendan pertama.

[79] Mahkamah bersetuju dengan penghujahan peguamcara defendan pertama tersebut. Beban pembuktian bagi membuktikan perkataan-perkataan yang terdapat dalam “P5” adalah di atas plaintif bagi memuaskan beban tersebut atas imbalan kebarangkalian. Beban tersebut gagal dipuaskan oleh plaintif apabila pembuat (maker) artikel tersebut gagal dipanggil bagi memberi keterangan. Tiada penjelasan oleh plaintif-plaintif mengapa saksi dari “tvselangor” tidak dapat dikemukakan bagi memberi keterangan ke atas artikel “P5” yang menjadi pengaduan plaintif-plaintif. Oleh itu mahkamah dapati plaintif-plaintif gagal membuktikan

“P5” sebagai pengataan-pengataan atau perkataan-perkataan defendant pertama. Walau pun defendant pertama (SD4) secara dasar mengakui bahawa beliau ada membuat pengataan-pengataan yang terdapat dalam artikel “*Kemelut YBK: MB Marah Orang Melayu Tipu Melayu*” tersebut tetapi undang-undang tidak melepaskan beban pembuktian artikel tersebut khususnya perkataan-perkataan yang diadukan (defamatory expressions alleged) adalah di atas plaintif-plaintif bagi membuktikannya.

[80] Di dalam kes *Lim Kit Siang v Datuk Dr Ling Liong Sik & Ors* [1997] 5 MLJ 523, mahkamah memutuskan seperti berikut:

“Thus in the circumstances of this present application I would be hard put to judge whether the words (as found in the statement of claim attributed to the first defendant) constitute a ground of action – since those words in the report and pleaded in the statement of claim are reported in the third and are but the product of a journalist’s creative skills and reporting only, even if it captured the essence of what the first defendant uttered. This is not sufficient since what is important is not the fact of the first defendant

having used defamatory expression but the fact of his having used defamatory expression alleged, which is the fact on which the case depends."

[81] Seperti yang mahkamah ini membuat dapatan di awal penghakiman ini, plaintif-plaintif telah berjaya membuktikan "P2" di atas beban imbangan kebarangkalian bagi artikel bertajuk "*Zainal Sakom Gadai Tanah YBK*" ("P2") seperti yang diplidkan di perenggan 12 pernyataan tuntutan. Kesimpulannya, jawapan bagi isu di perenggan 60(a), (e) dan (g) dalam penghakiman ini adalah positif dalam hal berkaitan defendant pertama. Begitu juga bagi isu di perenggan 61(a) dan (c) dalam penghakiman ini terhadap defendant kedua, ianya juga dijawab positif.

[82] Bagi isu di perenggan 60(c), (f) dan (h) berkaitan artikel bertajuk "*Kemelut YBK: MB Marah Orang Melayu Tipu Melayu*" ("P5") yang melibatkan defendant pertama, ianya dijawab negatif. Perenggan 13 pernyataan tuntutan gagal dibuktikan oleh plaintif-plaintif.

### ***Pembelaan defendan-defendan***

[83] Seperti yang dinyatakan diawal penghakiman ini kedua-dua defendan pertama dan defendan kedua mengutarakan pembelaan komen berpatutan (fair comment) dan/atau pembelaan perlindungan bersyarat (qualified privilege). Defendan kedua juga membawa pembelaan justifikasi. Undang-undang adalah mantap pembelaan tersebut boleh berdiri sendiri secara berasingan atau secara kombinasi kedua-duanya (combination of both).

[84] Defendan pertama juga membawa pembelaan perlindungan bersyarat di bawah seksyen 12 Akta Fitnah, 1957 bahawa pengataan-pengataan yang dibuat itu adalah dilakukan setelah defendan pertama mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menentusahkan maklumat dan sumber yang defendan pertama bergantung iaitu dokumen asas dan laporan audit oleh Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan carian syarikat yang boleh diakses di Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

[85] Defendan pertama juga mengatakan sebagai Menteri Besar Negeri Selangor dan ketua kerajaan negeri Selangor, beliau adalah berada di bawah tanggungjawab dan kewajipan untuk mengeluarkan kenyataan-kenyataan atau maklumat yang berkaitan dengan harta tanah atau harta atau dana YBK dan PYBK yang mendapat milikan tanah dari Kerajaan Negeri dan terhadap plaintif ketiga sebagai pengurus dan pemegang amanah YBK serta pengarah PYBK dan syarikat yang berkaitan dengan PYBK, bagi kepentingan awam disebabkan objektif penubuhan YBK dan PYBK adalah bagi membasmi kemiskinan.

[86] Defendan kedua pula mengatakan sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor merangkap pengurus Jawatankuasa Tetap Permodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan, defendan kedua mempunyai tanggungjawab dan kewajipan untuk memastikan urus tadbir tanah-tanah yang diberikan kepada YBK dan PYBK oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah digunakan selaras dengan usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan.

[87] Mahkamah meneliti kembali pengataan-pengataan yang diadukan berkaitan artikel bertajuk “*Zainal Sakom Gadai Tanah YBK*” yang diplidkan oleh plaintif-plaintif di perenggan 12.1 hingga 12.5 sebagai perkataan-perkataan yang diadukan.

[88] Perenggan 12.1 hingga 12.5 pernyataan tuntutan, plaintif-plaintif memplidkan perkataan-perkataan yang diadukan, ialah:

“12.1      *Zainal Sakom Gadai Tanah YBK*”;

12.2.      “*Ketika menjadi pengurus YBK dan pengarah PYBK, Datuk Zainal turut menjadi Pengarah Syarikat Prihatin Holdings Sdn Bhd, yang memajukan tanah-tanah kerajaan negeri yang diberikan kepada yayasan itu*”;

12.3      “*Dua pemaju dilantik oleh kerajaan UMNO-BN pada 8 Mac 1995 untuk memajukan 2165 ekar tanah berkenaan, iaitu syarikat Tenaga Ehsan Sdn Bhd dan Shah Alam Properties Berhad.*

*“Pengerusi YBK, Zainal Sakom didapati memiliki majoriti saham dalam sebuah syarikat yang dilantik sebagai pemaju tanah, iaitu syarikat Tenaga Ehsan. Maklumat ini antara maklumat penting yang akan didedahkan secara berperingkat menerusi kertas putih yang telah kita janjikan” katanya.”*

- 12.4     *“Mesyuarat Exco berpendapat, penemuan mengenai milikan saham dan pelantikan pengurus projek pembangunan tanah perlu diperjelaskan kepada kerajaan negeri untuk mengetahui jika YBK diurus dengan baik oleh PYBK”, tegas Menteri Besar lagi.”*
  
- 12.5     *“Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Permodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan Yaakob Sapari menyifatkan tindakan tegar Zainal menggadai tanah milik kerajaan negeri kepada bank memenuhi keinginan peribadi beliau*

*bersama teman segandingnya sebagai perbuatan khianat kerana melanggar syarat yang ditetapkan kerajaan negeri sebelum ini.”*

[89] Keterangan oleh plaintif ketiga, keterangan dari dokumen “Trust Instrument” YBK melihatkan plaintif ketiga adalah merupakan salah seorang dari ahli lembaga pemegang amanah YBK sejak ditubuhkan pada 16.3.1990 hingga kini. Plaintiff ketiga juga merupakan Pengurus ahli lembaga pemegang amanah/ahli lembaga pengarah YBK sejak ditubuhkan hingga kini. Ini bermakna sehingga tahun 2010, plaintif ketiga telah menjadi pemegang amanah dan pengurus YBK, iaitu lebih kurang 20 tahun. Di atas jangkamasa yang lama itu, mahkamah berpendapat plaintif ketiga sebagai pemegang amanah terawal dan pengurus YBK adalah memainkan peranan yang dominan di dalam YBK.

[90] Keterangan juga menunjukkan Permodalan Yayasan Basmi Kemiskinan (PYBK) telah diperbadankan pada 24.8.1993. Jenis perniagaan PYBK ialah “Investment Holdings and Involved in Joint Venture of Property Development”. Keterangan melihatkan PYBK mempunyai 25,000 saham biasa yang dimiliki oleh entiti berikut:

(i) Prihatin Ehsan Holdings Sdn Bhd sejumlah 12,500 saham, (ii) YBK 6,250 sejumlah saham, dan (iii) Fajar Snergey Sdn Bhd sejumlah 6,250 saham. Plaintiff ketiga mula menjadi ahli lembaga pengarah PYBK mulai 25.11.1999. PYBK mempunyai tiga orang ahli lembaga pengarah (eksibit "D2"). Dari keterangan ini, adalah satu fakta yang benar bahawa plaintiff ketiga adalah ahli lembaga pengarah PYBK.

[91] Keterangan juga menunjukkan plaintiff ketiga adalah merupakan ahli lembaga pengarah dalam Prihatin Ehsan Holdings Sdn Bhd sejak 17.9.1998. Syarikat ini mempunyai dua ahli lembaga pengarah. Prihatin Holdings Sdn Bhd ditubuhkan pada 17.9.1998. Jenis perniagaan "Investment Land". Prihatin Holdings Sdn Bhd mempunyai 300,000 saham biasa yang dipegang oleh tiga pemegang saham, iaitu: (i) YBK sejumlah 299,000, (ii) plaintiff ketiga sebanyak satu (1) saham, dan (iii) Zulhairy bin Jamaluddin juga satu (1) saham (eksibit "D3"). Dari keterangan ini, adalah satu fakta yang benar bahawa plaintiff ketiga adalah pemegang saham dan ahli lembaga pengarah dalam Prihatin Holdings Sdn Bhd.

[92] Keterangan juga melihatkan pada 9.11.1995, Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan pemberian milik tanah seluas 792.686 hektar (1,958.768 ekar) Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor (tanah yang telah diukur) kepada PYBK bagi tujuan pembangunan. Bagi blok pembangunan Fasa I seluas 500 ekar, pemaju ialah Ombak Kayangan Sdn Bhd, dan pengurus projek ialah Shah Alam Properties Bhd. Bagi blok Fasa II seluas 1458.8 ekar, pemaju ialah Tenaga Ehsan Sdn Bhd, dan pengurus projek ialah Shah Alam Properties Bhd. (eksibit "D11").

[93] Keterangan juga melihatkan plaintif ketiga adalah ahli lembaga pengarah Tenaga Ehsan Sdn Bhd yang menjadi pemaju bagi blok Fasa II seluas 1458.8 ekar tanah yang diberimilik kepada PYBK. Plaintiff ketiga menjadi pengarah Tenaga Ehsan Sdn Bhd sejak 4.9.1987. Syarikat ini mempunyai tiga orang ahli lembaga pengarah. Tenaga Ehsan Sdn Bhd diperbadankan pada 3.7.1971. Jenis perniagaan "Investment Holdings and Housing Developer". Tenaga Ehsan Sdn Bhd mempunyai sejumlah 5,632,000 saham biasa. Carian bertarikh 18.8.2010 mencatatkan plaintif ketiga memiliki sejumlah 1,738,880 saham dalam Tenaga Ehsan Sdn Bhd. Plaintiff ketiga

adalah pemegang unit saham tertinggi di dalam syarikat ini (eksibit "P10"). Dari keterangan ini, adalah satu fakta yang benar bahawa plaintif ketiga adalah pemegang saham terbanyak dan juga ahli lembaga pengarah dalam Tenaga Ehsan Sdn Bhd iaitu syarikat pemaju bagi blok Fasa II tanah yang dibermilik milik kepada PYBK oleh Kerajaan Negeri Selangor.

[94] Keterangan juga menunjukkan setakat carian bertarikh 18.8.2010, PYBK mempunyai lima senarai cagaran, iaitu: (i) Cagaran No. 001 bertarikh 7.6.1999 bernilai RM20 juta dengan Ambank (M) Berhad (Unsatisfied), (ii) Cagaran No. 002 bertarikh 7.6.1999 bernilai RM20 juta dengan Ambank (M) Berhad (Unsatisfied), (iii) Cagaran No. 003 bertarikh 18.8.1999 bernilai RM20 juta dengan Ambank (M) Berhad (Fully Satisfied), (iv) Cagaran No. 004 bertarikh 1.12.2004 bernilai RM25 juta dengan Malayan Banking Berhad (Unsatisfied), dan (v) Cagaran No. 005 bertarikh 16.1.2006 bernilai RM17 juta dengan Malayan Banking Berhad (Unsatisfied) (eksibit "D2"). Jumlah keseluruhan nilai gadaian-gadaian ialah RM102 juta. Bagaimana pun bagi Gadaian No. 003 bertarikh 18.8.1999 bernilai RM20 juta, penyelesaian penuh telah dibuat oleh PYBK dan pihak AmBank (M) Berhad telah melepaskan gadaian bagi

hakmilik terlibat. Dari keterangan ini, adalah satu fakta yang benar bahawa terdapat gadaian-gadaian tanah milik PYBK di Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor dengan nilai gadaian RM102 juta kepada pihak bank (RM20 juta daripadanya telah dilunaskan sepenuhnya).

[95] Keterangan juga menunjukkan setakat tarikh 30.12.2009, keberhutangan PYBK di bawah cagaran-cagaran adalah sebanyak RM82 juta (eksibit "D53A").

[96] Keterangan juga menunjukkan setakat tahun 2010 terdapat 12 kaveat didaftarkan oleh syarikat Bellgrand Sdn Bhd ke atas 12 hakmilik tanah PYBK di Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor (eksibit "D9"). Terdapat juga satu kaveat oleh syarikat Pembangunan Meliapuri Sdn Bhd ke atas tanah PYBK iaitu HS(D) 15236, HS(D) 15237, HS(D) 15737, HS(D) 14826 dan HS(D) 15738 ("D49", "D45") dan satu kaveat oleh syarikat Kendali Bagus Sdn Bhd ke atas satu (1) hakmilik tanah PYBK iaitu HS(D) 14823 (eksibit "D9", "D44"). Dari keterangan ini, adalah satu fakta yang benar bahawa 14 hakmilik tanah-tanah milik PYBK menjalani urusniaga yang membolehkan pihak berkepentingan mendaftarkan kaveat masing-masing ke atas tanah terlibat.

[97] Keterangan juga menunjukkan sidang media yang dibuat oleh defendan pertama pada 24.2.2010 dan temubual oleh defendan kedua dengan SP2 yang menghasilkan “P2” bukanlah perkara baharu dibangkitkan pada 24.2.2010 oleh defendan pertama. Isu mengenai urustadbir YBK dan tanah-tanah YBK/PYBK telah dibangkitkan dan dibincangkan oleh Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMK) dalam mesyuarat bertarikh 30.4.2009, 6.5.2009, 21.10.2009, 16.12.2009, 6.1.2010, 13.1.2010, 3.2.2010 dan 24.2.2010 (eksibit “D47” – muka surat 19-35 Ikatan D2). Eksibit “D47” adalah cabutan minit-minit mesyuarat MMK berkaitan perkara tersebut. Dalam minit mesyuarat MMK bertarikh 24.2.2010 yang dipengerusikan oleh defendan pertama selaku Menteri Besar (hari yang sama sidang media diadakan oleh defendan pertama), MMK telah diberi penerangan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor dan Pentadbir Tanah Daerah Hulu Selangor tentang isu cukai tanah tertunggak tanah-tanah PYBK di Mukim Serendah, Hulu Selangor yang telah tertunggak selama 13 tahun dan arahan dikeluarkan oleh MMK supaya YBK melaporkan status setiap program yang dijalankan secara terperinci kepada Kerajaan Negeri Selangor (“D52” muka surat 8-11 Ikatan D4). Dari keterangan ini, adalah satu fakta yang

benar bahawa terdapat tunggakan cukai tanah untuk jangkamasa 13 tahun oleh PYBK bagi tanah-tanah milik PYBK di Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor dan itu berbangkit berkaitan pentadbiran YBK bukan merupakan isu yang hanya diperkatakan pada 24.2.2010.

[98] Lailatun binti Abdul Hamid (SD1) yang merupakan Ketua Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor memberi keterangan bahawa di atas keputusan dan arahan MMK melalui mesyuarat MMK bertarikh 3.3.2010 dan 10.3.2010, pihak Audit Dalam tersebut telah menjalankan pengauditan ke atas YBK dan mengemukakan "Laporan Terhadap Tanah-Tanah Milik Yayasan Basmi Kemiskinan Negeri Selangor" kepada MMK (eksibit "D9" muka surat 1-57 Ikatan D1). SD1 mengesahkan terdapat gadaian-gadaian dan kaveat-kaveat yang telah didaftarkan oleh pihak-pihak berkepentingan ke atas tanah-tanah PYBK di Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor yang diberimilik oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada PYBK. Keterangan beliau disokong oleh saksi SD3 (Ahmad Sazali bin Sulamat) iaitu Penolong Pegawai Tadbir di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor.

[99] Mahkamah melihat semula kepada penubuhan YBK dan PYBK, yang mendapat tanah seluas 1,958.786 ekar (792.686) secara “fast track” daripada Kerajaan Negeri Selangor. Mahkamah mengatakan begini kerana PYBK diperbadankan pada 24.8.1993 dan pada 1.4.1995 PYBK telah diluluskan pemberian milikan tanah seluas 876 hektar (1,958.768 ekar) bagi kegunaan pelbagai tujuan. PYBK juga diberi potongan ke atas premium tanah dari RM10,000 seekar kepada kadar nominal RM1,000 selot (“D47” -muka surat 30 Ikatan D2). Objektif utama YBK adalah untuk membasmi kemiskinan di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. PYBK diperbadankan sebagai badan komersil untuk membantu mencapai objektif tersebut. Pihak Berkuasa Negeri juga memberi kelulusan bagi membolehkan pindahmilik dan gadaian-gadaian dibuat oleh PYBK ke atas tanah-tanah yang diberimilikan tersebut. Sejak tahun 1998, Kerajaan Negeri Selangor tidak mengambil tindakan terhadap YBK/PYBK ke atas cukai tanah yang tertunggak bagi tanah-tanah yang diberimilikan itu. Sejak penubuhannya dalam tahun 1990, adalah menjadi hasrat Pengasas YBK iaitu Menteri Besar Selangor untuk melihat YBK memainkan peranan sebagai badan amanah bagi menjalankan program dan aktiviti pembasmian

kemiskinan di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, iaitu satu tanggungjawab yang sepatutnya dipikul oleh kerajaan tetapi diserahkan kepada satu badan amanah (YBK) dengan pemberian milikan tanah sebagai modal yang bermakna kekangan birokrasi akan dapat dikurangkan berbanding jika tanggungjawab tersebut dipikul sepenuhnya oleh jabatan atau agensi kerajaan. Di atas fakta-fakta yang ada ini, mahkamah berpendapat Kerajaan Negeri Selangor khasnya Menteri Besar Selangor iaitu defendan pertama di atas jawatannya mempunyai tanggungjawab dari segi undang-undang, sosial dan moral sebagai ketua eksekutif negeri, pemimpin parti politik dan ahli politik yang mempunyai ekspektasi dan kepentingan yang sah dan munasabah bagi membuat pengataan-pengataan yang diadukan untuk melihat YBK/PYBK diurus tadbir dengan telus dan Kerajaan Negeri Selangor atau Menteri Besar mendapat pelaporan secara konsisten daripada YBK/PYBK berkaitan program dan aktiviti YBK/PYBK yang berkaitan dengan pembasmian kemiskinan. Mahkamah mendapati pengataan-pengataan oleh defendan pertama dan defendan kedua juga adalah merupakan komen yang berpatutan atau adil yang dibuat berdasarkan kepada maklumat serta rekod/dokumen rasmi kerajaan. Oleh itu mahkamah berpendapat pembelaan defendan pertama

bahawa beliau selaku Menteri Besar Selangor dan defendant kedua selaku Exco Kerajaan Negeri bahawa mereka mempunyai tanggungjawab dari segi undang-undang, social dan moral bagi memastikan tanah-tanah yang dibermiliki kepada YBK/PYBK diuruskan dengan baik adalah berasas (well founded) dan dibuat bagi kepentingan awam. Mahkamah menolak hujahan plaintif-plaintif bahawa YBK sebagai satu badan amanah dan PYBK sebagai sebuah entiti syarikat tidak mempunyai sebarang hubungan dengan Kerajaan Negeri Selangor dan dengan itu tiada terdapat sebarang tanggungan untuk melapor kepada Kerajaan Negeri Selangor atau untuk Kerajaan Negeri Selangor tidak mencampuri urusan YBK.

[100] Kesimpulannya, adalah dapatan oleh mahkamah ini bahawa defendant pertama dan defendant kedua telah berjaya membuktikan di atas beban imbangan kebarangkalian bahawa pengataan-pengataan mereka yang terdapat dalam “P2” (termasuk “P5” jika sekiranya diterima sebagai dibuktikan) adalah dilindungi oleh pembelaan komen berpatutan (fair comment) berdasarkan kepentingan masyarakat/umum dan juga pembelaan perlindungan bersyarat (qualified privilege) yang didasarkan kepada asas fakta. Pengataan-pengataan tersebut berlaku atau dibuat pada masa (on occasion of)

peristiwa di mana pernyataan istimewa dibuat di bawah perlindungan bersyarat berdasarkan kepada fakta-fakta yang benar atau sebahagian besarnya adalah benar dan adil yang menyentuh perkara-perkara kepentingan awam yang berkaitan dengan pelaksanaan ikatan amanah yang dipegang oleh YBK dan dibantu pelaksanaannya melalui PYBK yang mana plaintif ketiga adalah peneraju utama. Mahkamah juga mendapati pembelaan justifikasi berjaya dibuktikan dan terpakai ke atas defendan kedua.

[101] Mahkamah dapati plaintif gagal membuktikan terdapatnya niat jahat (malice) oleh defendan pertama dan defendan kedua berkaitan perkataan-perkataan yang diadukan itu.

[102] Dalam kes *Dato' Seri Mohammad Nizar Jamaluddin v Sistem Televisyen Malaysia Bhd & Anor* [2014] 3 CLJ 560, Mahkamah Rayuan memutuskan seperti berikut:

"[36] In the defence of qualified privilege, the underlying exonerating element is that the defamatory statements were made without malice. The law is that it lies on the plaintiff to show that there was malice that had actuated

the defendant when he published the impugned statements. In other words, it is not for the defendant to show that it had published the impugned statement without malice."

## Kesimpulan

[103] Dapatan dan keputusan dalam perkara-perkara yang dihuraikan di atas, dengan ini telah menjawab isu-isu yang disebutkan di perenggan 60(b), (d), (i), (m) dan (n) adalah negatif yang berkaitan dengan defendant pertama. Perenggan 60(j) iaitu komen berpatutan (fair comment), (k) iaitu pembelaan bersyarat (qualified privilege) dan (l) iaitu seksyen 12 Akta Fitnah, 1957 adalah memihak dan terpakai ke atas defendant pertama.

[104] Dapatan dan keputusan dalam perkara-perkara yang dihuraikan di atas, dengan ini juga menjawab isu-isu yang disebutkan di perenggan 61(b), (d), (h) dan (i) dengan jawapan negatif yang berkaitan dengan defendant kedua. Perenggan 61(e) iaitu pembelaan justifikasi, (f) iaitu komen berpatutan (fair comment) dan (g) iaitu pembelaan bersyarat (qualified privilege) adalah memihak dan terpakai ke atas defendant kedua.

[105] Di atas huraian dan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah menolak tuntutan plaintif-plaintif dan ianya ditolak dengan kos.

### **Tuntutan balas defendan pertama**

[106] Mahkamah menimbangkan pula tuntutan balas dan relif-relif yang dipohonkan oleh defendan pertama seperti yang diplidkan di perenggan 21 pernyataan pembelaan dan tuntutan balas defendan pertama.

[107] Rekod-rekod prosiding mahkamah melihatkan melalui permohonan di Lampiran 12, defendan pertama telah pernah memohon untuk membatalkan (to strike out) tuntutan plaintif-plaintif di bawah Aturan 18 Kaedah 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Pada 10.8.2012 Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi Malaya di Shah Alam telah menolak permohonan defendan pertama dengan kos. Rayuan oleh defendan pertama terhadap keputusan tersebut di Mahkamah Rayuan telah juga ditolak. Permohonan oleh defendan pertama untuk mendapat kebenaran (leave) bagi merayu telah juga ditolak oleh Mahkamah Persekutuan.

[108] Di atas fakta-fakta tersebut, mahkamah ini berpendapat tindakan oleh plaintiff-plaintif di bawah guaman ini bukan dimulakan dengan motif jahat atau bertujuan hanya untuk mengganggu (harass) defendant pertama. Terdapat kausa tindakan yang munasabah oleh plaintiff dan perbicaraan penuh telah dijalankan dengan dapatan oleh mahkamah ini seperti di atas. Mahkamah dapati defendant pertama gagal membuktikan di atas beban imbang kebarangkalian terhadap tuntutan balas defendant pertama tersebut.

[109] Tuntutan balas defendant pertama dengan itu ditolak dan ianya ditolak dengan kos.

### **Kos**

[110] Setelah mendengar dan menimbangkan hujahan peguamcara plaintiff-plaintif dan peguamcara defendant-defendant berkaitan kos, mahkamah berpendapat adalah munasabah dan adil untuk menetapkan kos sebanyak RM30,000.00 bagi diperintahkan dibayar oleh plaintiff-plaintif secara bersesama kepada defendant pertama. Mahkamah juga menetapkan kos sebanyak RM10,000.00 untuk dibayar oleh plaintiff-plaintif secara bersesama kepada defendant kedua.

[111] Bagi tuntutan balas defendan pertama yang ditolak, mahkamah menetapkan kos sebanyak RM5,000.00 dibayar oleh defendan pertama kepada plaintif-plaintif dan jumlah ini boleh dibuat potongan (set-off) oleh plaintif-plaintif dari jumlah kos yang perlu dibayar kepada defendan pertama.

Bertarikh 4 September 2014



**(DATUK YAACOB BIN HAJI MD.SAM)**

Hakim

Mahkamah Tinggi Malaya

Shah Alam, Selangor

*Peguamcara bagi pihak plaintif-plaintif:*  
Hasnal Rezua  
(bersama Mohd Ruzaini Zulkifli)  
(The Chambers of Kamarul Hisham & Hasnal Rezua)

*Peguamcara bagi pihak defendant pertama:*  
Edmund Bon Tai Soon  
(bersama Joshua Tay  
Joachim Francis Xavier)  
(Tetuan Chooi & Company)

*Peguamcara bagi pihak defendant kedua:*  
Haji Yusof Haji Rahmat  
(bersama Ahmad Soleh Yusof)  
(Tetuan Yusof Rahmat & Co.)